

BAB DUA

PENUBUHAN KOLEJ ISLAM MALAYA

2.1: Konteks Sosiopolitik Dalam Era Selepas Perang Dunia Kedua

Iklim politik Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah dengan rasminya pada 15 Ogos 1945 berada dalam keadaan tidak menentu.¹ Kekosongan (*vacuum*) pemerintahan Tanah Melayu sebaik sahaja Jepun menyerah kalah memberi peluang kepada pihak Komunis (Bintang Tiga) menguasai negara ini selama 14 hari sahaja sebelum ketibaan pihak Inggeris.² Pemerintahan zalim Bintang Tiga atau dikenali juga sebagai M.P.A.J.A (*Malayan People's Anti-Japanese Army*) telah diganti dengan pemerintahan sementara British yang dikenali dengan *British Military Administration* (BMA).³ Kedatangan semula Inggeris ke Tanah Melayu membawa gagasan *Malayan Union* (Kesatuan Malaya) untuk dijadikan asas pemerintahan.⁴ Gagasan ini mendapat tentangan yang hebat di kalangan masyarakat Melayu, yang diketuai oleh Dato' Onn bin Jaafar.⁵ Pada 1 April 1946, beberapa jam sebelum rancangan *Malayan Union*

¹ Mohd Salleh Daud, Memoir Bukan Seorang Konformis, K.Lumpur: DBP., 1998, h. 46.

² Mohd. Reduan Hj Asli, Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia, K.Lumpur: DBP., 1993 h.13. (Lebih kurang 14 hari sebelum B.M.A tiba, PKM telah menawan beberapa balai polis. Mereka juga mengambil kerempatan dengan melakukan kekejaman dan pembunuhan ke atas orang Melayu yang didakwa terlibat atau bersubhat atau menjadi ejen Jepun)

³ Richard Stubbs, Heart and Minds in Guerilla Warfare: The Malayan Emergency 1948 -1960 (Singapore: Oxford University Press, 1989) h. 11 -12

⁴ Ahmad bin Masjidin, "Malayan Union dari Kaca Mata Warta Negara", dalam, Khoo Kay Kim (Editor), Sejarah Masyarakat Melayu Modern, (Ediasi Baru), K.Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1985, h.191.

⁵ Zakiah Hanum, Tercabarnya Maruah Bangsa, K.Lumpur: Penerbitan Lajmeidakh Sdn. Bhd., 1989, h.14.

diisyiharkan, satu tunjuk perasaan besar-besaran telah dilancarkan oleh Kongres Melayu Semenanjung untuk menyatakan penentangan mereka terhadap rancangan tersebut. Raja-raja Melayu yang telah menandatangani rancangan *Malayan Union* bertindak memulaukan upacara tersebut apabila mereka telah diberi amaran oleh orang-orang Melayu supaya "jangan menghadiri upacara tersebut kerana jika tidak mereka akan tidak diakui oleh rakyatnya".⁶

British akhirnya akur dengan kehendak masyarakat Melayu, dan pada 1 Februari 1948 "Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu" telah dengan rasminya menggantikan *Malayan Union*. Hal ini memberikan kemenangan moral yang besar kepada masyarakat Melayu. Rentetan daripada itu semangat nasionalisme semakin berkembang di rantau ini, dan sukar untuk disekat kecuali dengan kaedah kekerasan. Dalam pada itu, imej penjajah British sampai ke detik yang paling rendah dalam sejarah pemerintahannya di Tanah Melayu.⁷ Sebenarnya pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah membawa perubahan besar daripada segi minda dan semangat orang-orang Melayu. Jepun memberi sokongan dan meniupkan semangat kebangsaan di kalangan pemuda-pemuda Melayu dengan menggalakkan penubuhan *Kekuatan Rakyat Istimewa* atau KRIS di bawah pimpinan Ibrahim Yaacob, yang diberi peluang untuk menguruskan kemerdekaan Tanah Melayu.⁸

Penjajah Inggeris sememangnya mengetahui mengenai pertemuan antara Sukarno dan Hatta dengan Ibrahim Yaacob dan Dr. Burhanuddin al-Helmi di Taiping pada 12 Ogos 1945. Pertemuan itu membincangkan kemerdekaan Tanah Melayu, Kalimantan Utara dan Brunei sebagai sebuah negara yang merdeka pada hari Jepun menyerah kalah

⁶ Haris Md. Jadi, *Etnik, Politik dan Pendidikan*, K.Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, h.28.

⁷ *Ibid*, h. 30.

dan serentak dengan itu pengisytiharan kemerdekaan Indonesia.⁹ Kegiatan-kegiatan dan perkara-perkara seperti ini membimbangkan pihak Kerajaan British terutamanya ada usaha-usaha yang serius yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin radikal Melayu dalam menghitungkan masa depan Tanah Melayu dan hubungannya dengan konsep Melayu Raya (iaitu penyatuan Tanah Melayu dengan Indonesia).¹⁰

Kemunculan partai-partai politik juga merupakan berkembangan yang ketara selepas kegagalan gagasan *Malayan Union*. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Perkembar : UMNO) telah ditubuhkan pada 1 April 1946, bertujuan memperjuangkan tuntutan orang-orang Melayu. Partai ini mempunyai semangat yang kuat serta pengaruh yang hebat, sehingga mampu memberi nasihat kepada sultan dan raja-raja Melayu agar tidak menghadiri majlis pengisytiharan dan melantik Sir Edward Gent sebagai Gabenor Negara Kesatuan Malaya (*Malayan Union*).¹¹ Kongres yang diadakan pada tahun 1946 itu merupakan satu gerakan padu orang-orang Melayu memikirkan kedudukan politik mereka secara besar-besaran. Sebelum itu sahaman politik masyarakat Melayu lebih kepada hal-hal kedaerahan. Semangat dan perubahan baru ini adalah hasil daripada usaha gigih yang dibuat oleh Dato' Onn bin Jaafar. Kehebatan Dato' Onn dijelaskan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai:

Apa kata Dato' Onn didengari; apa sahaja kehendak beliau dipatuhi. Digerakkan sahaja telunjuknya, berlarilah orang menjalankan suruh arahnya.

⁸ Khoo Kay Kim, Panji-Panji Gemerlap: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu, dalam Muhammad Abu Bakar, Amarjit Kaur, Abdullah Zakaria Ghazali (Edited), *Historia*, The Malaysian Historical Society, K.Lumpur, 1984, h.187

⁹ Mokhtar Petah, Bangsa Melayu Menggugat Dunia (Jawi), Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1966) h.103-104.

¹⁰ Zakiah Hanum, op.cit. h.18

¹¹ K.J Ratnam, Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaya, K.Lumpur: University of Malaya Press, 1969, h.169.

Demikian sekali popular dan berpengaruhnya Dato' Onn disisi rakyat.¹²

Pada bulan Ogos 1946, Kongres India Se Malaya (M.I.C) pula ditubuhkan bagi mewakili kepentingan kaum India,¹³ terutamanya untuk menyalurkan pandangan masyarakat India di Tanah Melayu. Jikalau UMNO ditubuhkan untuk membela kepentingan orang-orang Melayu, maka Persatuan Cina Malaya (M.C.A) pula ditubuhkan pada tahun 1949, untuk kepentingan orang-orang Cina. Dua tujuan utama penubuhan M.C.A ialah bekerjasama dengan pihak Inggeris bagi menamatkan darurat, dan berhasrat menyuburkan perpaduan kaum sesuai dengan Perlembagaan Persekutuan yang baru dibentuk.¹⁴

Dato' Onn telah keluar dari U.M.N.O kerana bercanggah pendapat dengan golongan yang tidak bersetuju dengan cadangan Dato' Onn untuk membuka pintu keahlian U.M.N.O kepada bangsa asing.¹⁵ Tujuan untuk memasukkan bangsa asing ke dalam U.M.N.O ini ditegaskan juga oleh Menteri Besar Perak, iaitu, "untuk menjaga keselamatan negara ini dan untuk mempercepatkan Tanah Melayu diberi berkerajaan sendiri".¹⁶ Pada 16 September 1951, sebuah lagi parti baru telah ditubuhkan iaitu Parti Kemerdekaan Malaya (I.M.P) yang terajui oleh Dato' Onn Jaafar. Semasa menukuhan parti tersebut di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, beliau menjelaskan:

Kemerdekaan kita tidaklah boleh tercapai dengan berkehendakkan dengan satu pihak penduduk sahaja atau menafikan hak-hak perkongsian yang lain

¹² Tunku Abdul Rahman Putra, Sudut Pandangan, (K.Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1979) h. 108.

¹³ Ibid, h.179

¹⁴ K.J Ratnam, Op.cit h. 176 -177

¹⁵ Mohamed Noordin Sopiee, From Malayan Union To Singapore Separation, Political Unification in Malaysia Region 1945 -65, K.Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1984, h.99.

¹⁶ Akhbar Majlis, 2.5.1951 dalam, Aminah Mohd. Nasir, "Majlis 1951-1955", dalam Lembaran Akhbar Melayu, K.Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, h. 153.

dalam tanggungan pembentuk negeri itu dalam masa yang ke hadapan.¹⁷

Parti U.M.N.O yang ditinggalkan oleh Dato' Onn telah diterajui pula oleh Tunku Abdul Rahman dengan segala kepayahan kerana, "semua pemimpin bertaburan dan lemah semangat Tiada lagi wang ..."¹⁸ Bangsa Melayu yang dahulunya (semasa bersatu menentang *Malayan Union*) kini semakin berpecah kesatuannya. Peristiwa selanjutnya, pada 15 Ogos 1951 menyaksikan penubuhan sebuah parti baru yang dikenali dengan nama Persatuan Islam Se-Malaya (P.A.S), yang diasaskan oleh Tuan Haji Ahmad Fuad, bekas Ketua Biro Agama UMNO. Asas perjuangan PAS ialah untuk menegakkan sebuah negara yang merdeka yang bercorak Islam.¹⁹ K.J Ratnam berpendapat, "Partai Islam Se-Tanah Melayu merupakan organisasi kaum Melayu yang paling melampau dalam lapangan politik. Sokongannya diperoleh terutamanya dari perasaan bimbang bangsa Melayu (terhadap kekuasaan bukan Melayu) pada satu pihak dan perasaan tidak puas hati terhadap dasar Perikatan pada pihak yang lain."²⁰

Suasana politik di Tanah Melayu terus bergolak dengan pelbagai peristiwa yang menjadi catatan sejarah, khususnya antara tahun-tahun akhir 1940-an dan akhir tahun-tahun 1950-an. Darurat telah disyiharkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British Sir Edward Gent pada 16 Jun 1948, di bawah Ordinan Persekutuan.²¹ Pihak Inggeris menguatkuasakan undang-undang darurat bagi menghapuskan kegiatan subversif oleh

¹⁷ Warta Negara, 17 September 1951, keluaran ke-7, Bil. 219 (Mikrofilem No. 728, Warta Negara 1946-1964, Perpustakaan Utama Universiti Malaya) h.1

¹⁸ Tunku Abdul Rahman, op.cit. h.120.

¹⁹ Panel Pengkaji Sejarah, Pusat Penyelidikan PAS, PAS Dalam arus Perjuangan Kemerekaan, Esei dan Dokumen. (Shah Alam Selangor: Angkatan Edaran Ent. Sdn.Bhd., 1999) h.7

²⁰ K.J Ratnam, op.cit. h.192.

²¹ Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustaffa dan Fuziah Shaffie, Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara, K.Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1994, h.92.

Parti Komunis Malaya (PKM).²² Parti Komunis yang didominasi kaum Cina berhasrat untuk menegakkan sebuah Republik Komunis Malaya. Parti Komunis Malaya begitu kecewa dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang dianggap sebagai satu kekalahan kepada PKM. Pelbagai strategi dilakukan oleh PKM untuk mencapai citacitanya, antaranya ialah dengan menyerang estet, lombong dan kawasan terpencil. Serangan secara langsung ini akan memaksa penduduk berpindah ke kawasan bandar, tempat yang ditinggal itu akan diambil oleh PKM yang dikenali sebagai "kawasan yang dibebaskan".²³ Seterusnya kawasan ini akan dijadikan tempat latihan dan pusat pemerintahan komunis dan strategi yang akhir ialah dengan memusnahkan ekonomi kapitalis, sistem pertahanan serta tempat yang dikuasai oleh British seperti pekan, kampung dan landasan kereta api.²⁴ Dalam rangka untuk menakutkan rakyat komunis telah memulakan propaganda, intimidasi fizikal, pemerasan, pembunuhan, terrorisme, sabotaj dan perang gerila di hutan.²⁵

Mengikut Mokhtar Petah,²⁶ undang-undang darurat yang diisytiharkan oleh Inggeris mempunyai 'serampang dua mata' di samping menghapuskan komunis, Inggeris juga ingin melemahkan perjuangan pimpinan serta aktivis Melayu yang menentang Inggeris. Dalam masa darurat semua parti politik yang bersaham kebangsaan tulen telah diharamkan dan pemimpin-pemimpinnya telah ditangkap dan disiksa dalam tahanan. Semasa darurat perjuangan anak-anak Melayu mulai lemah dan berada dalam ketakutan.

²² Maklumat lanjut boleh diperoleh daripada, John Cloake, Templer Tiger of Malaya, (Harrap Limited, Great Britain, 1985) h. 188-225.

²³ Richard Clutterbuck, Conflict & Violence in Singapore & Malaysia 1945 - 1983, (Singapore: Graham Brash (PTE) Ltd., 1984) h. 170.

²⁴ ibid, h. 93-94.

²⁵ Mohd. Reduan, op.cit. h.18.

²⁶ Moktar Petah, op.cit. h. 103 –104.

Dala keadaan yang demikian, hanya UMNO yang bercorak feudal sekular dan pro-British sahaja yang dibenarkan untuk terus bergerak di Malaya.

Perjalanan ke arah kemerdekaan negara bukanlah suatu perkara yang mudah. Inggeris tidak akan membebaskan negara ini selagi kaum-kaum yang ada di Tanah Melayu tidak bersatu. Setiausaha Tanah Jajahan British, Tuan Lyttleton pernah memberi ucapan di Parlimen British pada bulan Julai 1952, katanya:

Sekiranya beri kemerdekaan kepada Tanah Melayu esok, maka dalam tempoh enam bulan sahaja akan berlakulah pergaduhan di antara kaum-kaum di negeri ini yang belum pernah disaksikan seumpamanya. Kemerdekaan negeri Tanah Melayu tidak boleh diserahkan kepada penduduknya sekurang-kurangnya 30 tahun lagi.²⁷

Lantaran orang-orang Melayu perlu bekerjasama dengan kaum-kaum lain, maka parti Perikatan telah ditubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra. Parti Perikatan pada awalnya ialah kerjasama antara UMNO dengan MCA bagi menghadapi pemilihan Majlis Bandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 serta penentangan terhadap IMP.²⁸ Perkembangan dalam parti Perikatan telah menarik minat MIC untuk sama-sama menyertainya dalam menghadapi pilihanraya dalam tahun 1955. Sebagai sebuah parti

²⁷ Perkara ini dijelaskan oleh Tunku Abdul Rahman Putra dalam ucapan di Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Butterworth, Pulau Pinang pada 14-15 Sep.1952 dlm., Wan Mohd Mahyuddin, Haji Nik Mustafa Yusof (Penyelenggara), Amanat Presiden; Landasan Bagi Pembangunan Bangsa dan Negara, Jld.1, Shah Alam , Selangor: Fajar Bakti, 1997, h.197.

Sikap British yang angkuh itu, akhirnya berubah ketika rombongan Menuntut Kemerdekaan tiba di London pada tahun 1956. Setiausaha Jajahan Takluk British pada masa itu berkata, " Kerajaan British percaya bahawa orang di Tanah Melayu adalah orang yang bertanggungjawab dan cukup sedar atas segala kerumitan dan kesulitan dalam negeri itu, dan kerajaan British percaya ketua-ketua yang ada di Tanah Melayu sanggup menyelamatkan negerinya serta menambah perasaan berbaik-baik antara bangsa-bangsa". ibid, h.272.

²⁸ KJ Ratnam, op.cit h. 185.

yang pelbagai kaum, kedapatan pelbagai masalah yang dihadapi oleh parti itu baik dalaman atau luaran.²⁹

Natijah daripada kegiatan-kegiatan politik dan tuntutan daripada pelbagai parti politik di Tanah Melayu pada akhir tahun 1940-an dan awal tahun-tahun 1950-an, Kerajaan Inggeris telah berjanji untuk mengadakan satu pilihanraya di Tanah Melayu, khususnya bagi kawasan Perbandaran Kuala Lumpur pada bulan Februari 1952. Bagi memenangi pilihanraya tersebut UMNO telah mencapai persetujuan untuk bekerjasama dalam satu perikatan.³⁰ Hasil daripada pilihanraya tersebut UMNO dan MCA (Parti Perikatan) telah memenangi sembilan daripada dua belas kerusi yang dipertandingkan, manakala Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) memenangi 2 kerusi sahaja. Lantaran kejayaan yang amat membanggakan itu, Parti Perikatan menjangkakan kerjasama yang lebih luas dan lebih erat akan dilaksanakan pada masa-masa hadapan.³¹

Perkembangan positif terus berlaku bila mana Kongres India Malaya (MIC), telah menyertai Parti Perikatan pada tahun 1954. Gabungan tiga etnik ini amat perlu bagi mendapatkan kemerdekaan sepenuhnya daripada British. Parti Perikatan telah mengadakan satu rundingan dengan Kerajaan Inggeris pada Julai 1954 mengenai tarikh pilihanraya dan jumlah anggota Majlis Mesyuarat Persekutuan. Dalam pilihanraya kebangsaan yang pertama pada 27 Julai 1955, Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC telah mencapai kemenangan yang paling cemerlang, iaitu dapat menguasai 51 daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan. Manakala Parti PAS memenangi satu kerusi sahaja.³²

²⁹ Ibid., h.188 -191.

³⁰ Lotpi Ismail, Sejarah Malaysia 1400-1963, (Penerbitan Utusan Melayu (M) Bhd. K.Lumpur, 1976) h.281.

³¹ Firdaus Haji Abdullah, Radical Malay Politics: Its Origins and Early Development, Petaling Jaya , Selangor Pelanduk Pulication, 1985, h. 146.

³² Ibid., h. 146-147.

Parti Perikatan yang menang besar dalam pilihanraya tersebut berhak untuk membentuk sebuah kabinet dengan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Ketua Menteri. Kabinet Perikatan terdiri daripada 10 orang menteri, 6 orang dari UMNO, 3 orang dari MCA, dan 1 orang dari MIC. Perlembagaan tahun 1955 hanya memberikan satu taraf berkerajaan sendiri yang terbatas kerana Pesuruhjaya Tinggi mempunyai kuasa pembatal (*veto*) yang membolehkan menolak semua sekali keputusan atau penyelesaian yang diluluskan oleh Majlis Perundangan. Ekoran daripada itu, pada 2 Januari 1956 Tunku Abdul Rahman Putra telah mengetuai rombongan yang terdiri daripada empat orang wakil Perikatan dan empat orang wakil sultan-sultan ke London untuk membuat rundingan mengenai kemerdekaan Tanah Melayu.³³ Dalam usaha untuk memecahkan isu yang belum diselesaikan adalah dipersetujui bahawa kedua-dua rombongan akan menaiki kapal ke Karachi dan dari sana terbang ke London. Semasa dalam pelayaran perbezaan-perbezaan yang timbul telah diselesaikan dan Perutusan Merdeka tiba di London sebagai satu rombongan.³⁴

Hasil daripada perundingan kemerdekaan ini, British bersetuju mengisytiharkan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.³⁵ Lord Reid telah diamanahkan oleh Kerajaan British untuk mempengaruhi Suruhanjaya Perlembagaan bagi merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang baru selepas mencapai kemerdekaan. Semangat dan asas perlembagaan ini adalah digubal mengikut contoh

³³ Rombongan bertolak ke London menggunakan kapal laut Italy "Asia". Tujuan mereka menggunakan kapal kerana, "masih banyak kerja-kerja yang terkendong, dan tidak ada lain jalan hendak menyelesaikan kerja itu melainkan semua anggota rombongan itu duduk bersama-sama dan bekerja siang malam selama satu minggu", Wan Mohd. Mohyiddin et al, h. 266; Yusof Harun, Tunku: Idealisme Dalam Kenangan, P. Pinang: Yayasan Bumiputera P. Pinang, 1991, h. 185.

³⁴ B. Simandjuntak, "Federalisme Tanah Melayu 1945 – 1963": Satu Kajian Mengenai Masalah-Masalah Persekutuan di Dalam Sebuah Masyarakat Majmuk, P.Jaya, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985, h.83.

³⁵ Kok Koun Chin, Sejarah Malaysia, P.Jaya, Selangor: Penerbit Fajar Bakti, 1981, h. 131-132.

perlembagaan Persekutuan 1948, yang dikenal sebagai Perjanjian Persekutuan 1948. Pada umumnya, hampir seluruh rangka perlembagaan tersebut adalah berdasarkan memorandum yang diutarakan oleh Parti Perikatan.³⁶ Perlembagaan baru ini telah diimplementasikan dengan kuatkuasanya bersama-sama dengan Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu . Walaupun kemerdekaan Tanah Melayu telah dicapai ini bukanlah bermakna perjuangan telah tamat. Perjuangan bangsa Melayu untuk mengisi kemerdekaan itu sendiri baru sahaja berada pada langkah awal. Perjuangan untuk meningkat martabat bangsa dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kebudayaan perlu dilakukan dengan penuh kesungguhan. Sebenarnya, perjuangan untuk mengisi kemerdekaan itu lebih sukar daripada perjuangan memperoleh kemerdekaan. Allahyarham Aminuddin Baki pernah berpidato dalam "Siri Gerakan Obor", yang disiarkan oleh Radio Malaysia pada 4 Feb. 1964, katanya:

Kita harus sedia berlumba-lumba dan berikhtiar dan tidak semata-mata menjadi penonton dang tukang tengok sahaja sebagaimana yang sudah-sudah. Berusaha untuk mencari laba dan keuntungan dan tidak hanya bersikap untuk mencari nafkah yang memadai bagi saraan hidup sahaja, pada hal kita mengetahui benar-benar bahawa wang adalah punca kekuatan suara dan kesejahteraan hidup dalam zaman kemajuan sekarang ini dengan hakikat bahawa bagi keselamatan masyarakat Melayu di Malaysia ini, hak siasah yang ada pada kita hendaklah disokong pula dengan kemajuan iktisad pula. Berusaha untuk maju dalam segala lapangan ilmu pengetahuan dan sains supaya moga-moga menerusi kemajuan ini dapatlah kita memperbaiki hidup kita perseorangan dan masyarakat kita seluruhnya.³⁷

³⁶ Intipati daripada ucapan Tunku Abdul Rahman Putra dalam Persidangan Agung Khas UMNO di Dewan Ibu Pejabat UMNO, Kuala Lumpur pada 28 Mac 1957, dlm., Wan Mohd. Mahyiddin, et al. *op.cit.* h.269-275.

³⁷ Mohd. Tajuddin Haji Abdul Rahman, Aminuddin Baki, Tokoh Pendidikan, P.Jaya: Pelanduk Publications, 1987, h.95-96.

2.2: Sekularisme Dalam Pendidikan di Tanah Melayu

Istilah 'sekular' berasal dari kata Latin *saeculum*, yang mempunyai dua konotasi iaitu 'waktu' dan 'lokasi'. Waktu merujuk kepada keadaan 'sekarang' atau 'kini' dan lokasi pula merujuk kepada 'dunia' atau 'duniawi'. Jadi *saeculum* berarti 'zaman ini atau 'masa kini'.³⁸ Secara amnya sekularisasi dapat didefinisikan sebagai pembebasan manusia "pertama-tamanya dari agama dan kemudian dari metafizik".³⁹ Jelasnya dapat dirumuskan maksud sebenar sekular ialah, "mendirikan kehidupan bukan berdasarkan agama sama ada dalam sebuah negara atau seseorang individu".⁴⁰

Penyisipan sekularisme ke dalam dunia Islam bermula dengan kedatangan kolonialisasi. Penguasa-penguasa kolonial yang memerintah negara Islam telah menyaksikan sendiri ketidakmampuan agama mereka (Kristian) dalam berurusan dengan urusan duniawi. Mereka menganggap agama mereka hanya untuk 'ritual' semata-mata.⁴¹

Fahaman sekularisme asalnya timbul akibat tercetusnya pertembungan mengenai kuasa gereja Kristian dan golongan antigereja di Eropah dan lahirlah kata-kata falsafah yang menjadi prinsip golongan sekular bahawa ' serahkan hak Tuhan kepada Tuhan dan hak negara kepada Kaisar'.⁴²

³⁸ Syed Muhammad Naguib Al- Attas, Islam dan Sekularisme, (Bandung, Indonesia: Penerbit Pustaka, 1981), (terj. Karsidjo Djoko Suwarno) h.18 -19.

³⁹ Ibid, h. 20

⁴⁰ Manna' Khalil Al-Qaththan, Halangan Pelaksanaan Syariah Islam, (Terj. Haji Juanda Haji Yahya), Bangi, Selangor: Maktabah al-Qardawi, 1998, h.36.

⁴¹ Ahmad Syafii, Sekularisme : Terpengaruhkah Saya? dalam Muhammad Qutb (et.al), Ancaman Sekular: Sebuah Perbincangan Kritis, Belajar dari Kasus Turki (trjh), Yogyakarta: Shalahuddin Press, Lembaga Pengembangan Informasi Dakwah Islam, 1986, h.3.

⁴² Ahmad bin Awang, "Ummah Perlu Membebaskan Diri Dari Cengkaman Sekularisme", dalam Suara Persatuan Ulama', Bil Tahun: 01/57, Jun - Julai 1999, Diterbitkan oleh Persatuan Ulama' Malaysia, P. Jaya, Selangor, h.4.

Pelopor utama aliran sekularisme dalam dunia Islam ialah Mustaffa Kamal Attarturk, yang juga menjadi boneka Barat di Turki. Melalui gerakan yang strategik dengan kerjasama Yahudi antarabangsa pemerintahan Islam Khilafah Uthmaniah Turki, berjaya ditumbangkan, dan didirikan pula Republik Turki Modern (sekular) yang dipimpin oleh Mustaffa Kamal dengan bantuan konco-konconya yang dikenali sebagai "*The Young Turks*".⁴³

Penyusunan faham ini hampir mencakupi setiap segi kehidupan Islam termasuk undang-undang pemerintahan dan pentadbiran, pendidikan dan seterusnya sekularisme merebak dalam bidang agama itu sendiri. Nama-nama seperti Ali Abdal-Raziq, Syeikh Muhammad Khalid dan Taha Hussein dari Mesir dengan terang-terang menghebahkan kepada masyarakat tentang pemisahan agama dengan kehidupan duniawi, yakni mengakui sekularisme sebagai satu tiang kehidupan yang sah di samping agama.⁴⁴ Golongan ini bukan mengingkari agama sama sekali, sebaliknya membataskan bidang kuasa agama dalam batasan yang tidak sampai kepada kehidupan masyarakat atau negara secara menyeluruh.⁴⁵

Di Tanah Melayu, pendidikan sekular bermula dengan kedatangan penjajah Barat. Sebelum pendidikan sekular diperkenalkan kepada masyarakat Tanah Melayu, pendidikan orang-orang Melayu berorientasikan keagamaan dan tumpuan adalah pada pengajaran al-Qur'an. Cara al-Qur'an diajar adalah berbeza dari tempat ke tempat yang lain. Biasanya diajar di surau-surau atau di rumah guru-guru al-Qur'an itu sendiri. Di

⁴³ Ibid, h.4-5

⁴⁴ Sayyed Hoessein Nasr, "Islam dan Sekularisme", dalam Mohammad Qutb (Penyunting), Ancaman Sekularisme: Sebuah Perbincangan Kritis dari Kasus Turki, Bandung Indonesia: Pt. Remaja Rosdakarya, 1986, (Terj) h.14-17.

⁴⁵ Ridzwan Hashim, "Sekularisme dan Pengaruhnya Dalam Negara Umat Islam", dlm., Suara Persatuan Ulama, op.cit. , h.34.

Kawasan Utara dan Pantai Timur Tanah Melayu, di samping penggunaan surau dan masjid sebagai tempat mempelajari al-Qur'an, terdapat juga pondok-pondok dijadikan tempat belajar dan tempat tinggal murid-murid.⁴⁶ Di Melaka, pada awal abad ke-19, Lebai Abdul Razak, seorang guru al-Qur'an memberitahu Stamford Raffles:

Orang yang empunya anak-anak ini menyuruh ajarkan Qur'an dahulu. Maka kalau sudah ia dapat Qur'an kemudian boleh belajar bahasa Melayu. Begitulah adat sahaja semuanya. Dan tiada adat di negeri ini, orang taruh tempat belajar bahasa Melayu.⁴⁷

Pada peringkat awalnya, usaha penjajah Inggeris untuk menerapkan pendidikan sekular di kalangan masyarakat Melayu, mendapat tentangan yang hebat daripada penduduk tempatan. Masyarakat Melayu bimbang akan , "anak-anak lelaki mereka itu menjadi goyang dan mereka tak mahu kehilangan perkhidmatan mereka itu untuk menolong kerja-kerja di rumah".⁴⁸ Maksud 'goyang' di sini ialah goyang atau goyah daripada segi akidah atau kepercayaan terhadap agama Islam. Pada peringkat awal perkembangan pendidikan di Tanah Melayu, hanya anak-anak lelaki sahaja yang dibenarkan bersekolah, manakala golongan perempuan, " semenjak kecil lagi telah dikurung dan dipingit dan diasuh untuk menjadi isteri yang taat dan ibu yang pengasih".⁴⁹ Utusan Melayu keluaran 26 Jun 1939, berasa dukacita kerana kebanyakan ibu bapa Melayu tidak mahu menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah kerana:

⁴⁶ J. S. Furnivall, Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India, Cambridge : At the University Press, 1948, h. 304.

⁴⁷ "The Hikayat Abdullah", an annotated translation by A.H. Hill, M.A., dalam Awang Had Salleh, Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, h.1.

⁴⁸ Ibid ., h. 16.

⁴⁹ Asiah Abu Samah. "Emancipation of Malay Women (1945-1957)", B.A. Gradex, University of Malaya, Singapore, 1960, h.2 dlm., Muhammad Abu Bakar, Penghayatan sebuah Ideal : Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa, DBP, K.Lumpur, 1987, h.124.

Sekolah-sekolah perempuan Melayu masih lagi masa ini menjadi satu masalah yang payah dan susah. Ibu bapa atau penjaga budak-budak perempuan itu kebanyakannya masih memikirkan jika kanak-kanak perempuan diberi pelajaran membaca nescaya bolehlah kelak menggalakkan surat-surat berkasih-kasihan dan tipu daya hendak berjahat di antara mereka itu dengan murid-murid lelaki.⁵⁰

Pada anggapan kebanyakan masyarakat Melayu dewasa pada masa itu pendidikan yang berasal dari Barat lebih mementingkan kepada "hal dunia", iaitu untuk mencari wang, nama, pangkat dan kemegahan sahaja dan tidak berguna langsung kepada kehidupan akhirat.⁵¹ Muhammad Uthman El-Muhammady⁵² berpendapat pendidikan sekular lebih mementingkan benda dan intelektual. Benda (material) dan intelektual adalah nilai yang tertinggi dalam kehidupan lantaran pendidikan sekular merupakan anak kunci kemewahan, dan tanda darjat dalam pergaulan.⁵³ Pada pandangan penduduk tempatan pendidikan sekular yang hendak diperkenalkan oleh British adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Majalah *Pengasuh* mencadangkan agar subjek agama Islam dijadikan mata pelajaran peperiksaan di sekolah atau kolej. Melalui cara ini dijangkakan dapat menghapuskan anggapan ibu bapa Melayu bahawa sekolah sekular yang ada hanya semata-mata bertumpu kepada keduniaan, sehingga mereka menganggap sekolah sekular sebagai:

'Keduniaan, kecikguan, kekeranian, kesombongan, kejahatan dan kegemaran mengikut gaya-gaya Barat yang dibenci'.⁵⁴

⁵⁰ Utusan Melayu, keluaran 26 Jun 1939, dipetik oleh Arsyad Haji Nawari, "Utusan Melayu Yang Dipunya Orang Melayu", dalam Lembaran Akhbar Melayu, (Persatuan Sejarah Malaysia, K.Lumpur, 1980), op.cit . h.127.

⁵¹ Adnan Nawang, Za'ba dan Melayu, K.Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1998, h. 110 (nota kaki).

⁵² Muhammad Uthman El-Muhammadi adalah seorang pensyarah Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya pada masa itu (Mac 1965).

⁵³ Muhammad Uthmanel-Muhammady, "Kita Menerima Pendidikan Barat Tetapi Tidak Memadunya dengan Cita-cita Islam", dalam Dewan Masyarakat, Jilid III, Bil. 3, 15 Mac 1965,DBP, K.Lumpur, h. 22.

⁵⁴ Ramli Haji Ahmad & Che Zaharah Che Hassan, Pengasuh, dalam Lembaran Akhbar Melayu, op.cit . h.43.

Hanya setelah perundingan diadakan dan pihak Inggeris berjanji untuk memperuntukkan pelajaran al-Qur'an di sekolah, maka barulah ibu bapa membenarkan anak-anak mereka belajar di sekolah tersebut.⁵⁵

Cara menyelesaikan masalah ibu bapa yang tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah Melayu telah diutarakan oleh A.M. Skinner, seorang Timbalan Majistret Province Wellesley, iaitu dengan mengadakan persekolahan dua sesi, iaitu pagi dan petang. Pada sebelah pagi murid-murid mengikuti pelajaran bahasa Melayu (dalam tulisan Jawi), matematik, sejarah, ilmu alam dan beberapa mata pelajaran vokasional seperti pertanian dan bertukang. Pada sebelah petang pula, murid-murid mengikuti pelajaran bahasa Arab dan al-Qur'an.⁵⁶

Usaha penjajah Barat mewujud dan memajukan pendidikan sekular di Tanah Melayu akhirnya mendapat sambutan dan sokongan daripada orang-orang Melayu. Pada akhir Perang Dunia Pertama paradigma masyarakat Melayu telah berubah. Ibu bapa tidak lagi berkeberatan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Misalnya di Penyata Tahunan Kelantan pada tahun 1921 melaporkan permintaan penduduk supaya kerajaan membina sekolah dan membekalkan guru semakin meningkat.⁵⁷ Ada juga di kalangan ibu bapa Melayu yang telah menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris, lantaran memperoleh peluang kerja yang bergaji tinggi dan mempunyai taraf yang tinggi,⁵⁸ jika dibandingkan dengan lepasan sekolah-sekolah Melayu. Ada juga ibu bapa yang prihatin dan kuat pegangan agama Islam tidak mahu menghantar anak-anak mereka

⁵⁵ Philip Loh Fook Seng, Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874 -1980, K. Lumpur: Oxford University Press, 1975, h. 12.

⁵⁶ Susean Hussin, Pendidikan di Malaysia; Sejarah, Sistem dan Falsafah, h.12.

⁵⁷ Awang Had Salleh, op.cit., h.17.

ke sekolah Inggeris yang dikendalikan oleh mubaligh Kristian kerana takut anak-anak mereka dipengaruhi oleh ajaran Kristian. Implikasi daripada situasi ini bilangan anak-anak Melayu yang belajar di sekolah-sekolah ini amat terhad bilangannya.⁵⁹ George Maxwell, seorang pegawai kanan kerajaan Inggeris di negeri-negeri Melayu Bersekutu, dalam tahun 1920 pernah menegaskan bahawa:

Tujuan kerajaan bukanlah hendak mengadakan segelintir pemuda-pemuda yang berpendidikan baik, tidak juga sebilangan budak-budak yang kurang terdidik, melainkan ialah untuk membaiki keadaan bilangan terbesar penduduk dan menjadikan anak-anak nelayan atau petani-petani itu seorang nelayan atau petani yang lebih cerdik daripada bapanyanya, serta menjadikan ia mengerti menerusi pelajarannya yang keberuntungannya dalam hidup ini adalah sesuai dengan cara hidup di sekelilingnya.⁶⁰

Berdasarkan kenyataan di atas, ternyata terdapat unsur-unsur *mala fide* dan tiada kejujuran penjajah Inggeris dalam usahanya untuk memaju dan memperkembangkan sistem pendidikan Melayu sekular sebagai satu langkah untuk memberi peluang kepada masyarakat Melayu meningkatkan lagi martabat bangsa di tanah airnya sendiri.⁶¹

Sesungguhnya hasil daripada pendidikan sekular di Tanah Melayu telah menghasilkan dualisme dalam sistem pendidikan dalam tahun 1940-an dan 1950-an.. Pendidikan yang secara total memberi penekanan terhadap hal-hal keduniaan dan sebelah pihak lagi iaitu pendidikan yang bercorak Arab dan agama lebih menumpukan pelajaran-pelajaran agama Islam, lebih kepada persediaan untuk kehidupan di alam akhirat. Apa yang paling digeruni hasil daripada dualisme pendidikan ini ialah lahirnya '*world-view*'

⁵⁸ Ibrahim Saad, op.cit, h.24

⁵⁹ Ibid, h.25

⁶⁰ George Maxwell, (*Annual Report, F.M.S., 1920*) dipetik oleh Awang Had Salleh, op.cit., h.11-12.

yang saling bertentangan di kalangan masyarakat Islam, sebahagiannya memisahkan agama dalam kehidupan, kecuali hal-hal ibadat sahaja, dan sebahagian lagi ingin menjadikan agama sebagai asas perjalanan kehidupan dalam semua aspek.⁶²

2.3: Kesedaran Nasionalisme Semakin Memuncak

Antara takrifan nasionalisme yang agak lengkap dan halus telah diberikan oleh seorang sarjana terkenal, iaitu Hans Kohn. Beliau menyatakan nasionalisme sebagai, "satu keadaan fikiran, yang menyerap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan didakwa menyerap masuk ke dalam semua anggotanya; dia mengiktiraf negara-bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul, dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Oleh itu kesetiaan ulung manusia adalah tertumpu kepada bangsa, kerana kehidupannya sendiri adalah dipercayai berdasarkan kepada dan dimungkinkan oleh kebajikan bangsanya".⁶³

Kesedaran nasionalisme di kalangan masyarakat Melayu untuk berjuang menentang penguasaan kolonial bagi membebaskan negara sudah pun wujud sejak adanya penentangan terhadap kuasa luar sewaktu Kesultanan Melayu Melaka lagi.⁶⁴ Pada zaman pemerintahan kolonial British di Tanah Melayu semangat perjuangan ini terus

⁶¹ Mohd Ali Kamaruddin, Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia, K.Lumpur: UKM, 1981, h. 10-11.

⁶² Sayyed Hossein Nasr dalam Mohammad Qutb, op.cit., h.18.

⁶³ Hans Kohn, The Idea of Nationalism, New York, 1944, h. 16, dipetik oleh R. Suntharalingam, Konsep Nasionalisme: Ke Arah Satu Takrif, dalam R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail, Nasionalisme, Satu Tinjauan Sejarah,(Fajar Bakti, P. Jaya,1985, h.2-3.

⁶⁴ Abdul Rahman Haji Ismail, "Takkan Melayu Hilang di Dunia : Suatu Sorotan Tentang Nasionalisme Melayu", dalam R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail (Editor), Nasionalisme, Satu Tinjauan Sejarah, P.Jaya, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.,1985, h.36.

bersemarak khususnya selepas tahun-tahun 1930-an⁶⁵ akibat inspirasi serta kekuatan daripada perjuangan menuntut kemerdekaan yang sedang hangat berlaku di Indonesia.⁶⁶ Bagi orang-orang Melayu semangat nasionalisme itu juga berasaskan faktor-faktor yang boleh dikatakan saling berkait rapat antara satu sama lain.⁶⁷ Persaingan antara orang-orang Melayu dengan pelbagai kumpulan etnik telah memberi kesedaran kepada orang-orang Melayu tentang kedudukan diri mereka dalam berbagai-bagai lapangan. Orang-orang Melayu sedar mereka berada dalam keadaan miskin dan agak terbiar tinggal jauh daripada pusat-pusat kemajuan dan pembangunan. Pengaruh budaya Barat yang menekan identiti budaya Melayu serta keprihatinan masyarakat Melayu tentang perlunya agama Islam dijaga daripada dirosakkan oleh penularan pengaruh Barat adalah juga antara faktor lahirnya semangat nasionalisme.⁶⁸ Kesedaran atau kebangkitan semangat nasionalisme orang-orang Melayu tidak boleh dipisahkan dengan agama Islam yang menjadi tonggak atau penggerak utama. Justeru, kebangkitan semangat nasionalisme awal adalah di kalangan golongan agama kerana golongan ini sangat berpengaruh di kalangan orang ramai, terutama masyarakat kampung. Kebanyakan golongan agama berkenaan adalah lulusan Asia Barat dan juga pemimpin-pemimpin agama tempatan.⁶⁹ Dalam perkembangan nasionalisme fasa kedua, persoalan utama yang dibangkitkan ialah masalah sosial dan ekonomi. Pendokong fasa ini terdiri daripada mereka yang berpendidikan Melayu dan Inggeris. Perjuangan golongan kedua ini lebih teratur dan

⁶⁵ *Ibid.*, h.37.

⁶⁶ Vejai Balasubramaniam, Politik Nasionalisme dan Federalisme di Malaysia, Shah Alam, Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1998, h.83.

⁶⁷ Wan Abdul Kadir, Islam dan Nasionalism Budaya Melayu, Petaling Jaya: Masfami Enterprise, 1993, h.1.

⁶⁸ *Ibid.*, h.4-7.

⁶⁹ Abdul Latif Abu Bakar, "Konsep Patriotisme dan Nasionalisme", dalam Abdul Latif, *op.cit.*, h.4 (lihat juga, Talib Samat, Langit Tinggi Dijunjung, Di Sekitar Permasalahan Orang Melayu dan Remaja Melayu, K.Lumpur: DBP., 1992, h.174).

sistematik berbanding dengan peringkat awal, kerana mereka (nasionalis) mendapat banyak teladan daripada gerakan yang lampau.⁷⁰

Adalah tidak lengkap jika peranan Maktab Perguruan Sultan Idris tidak dilibatkan dalam pembicaraan semangat nasionalisme fasa kedua ini. Dalam konteks ini, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) menjelaskan:

Maka Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak itulah Tuhan telah mentakdirkan bermulanya bibit-bibit perasaan kebangsaan Melayu atau ...perasaan nasionalisme, atau cinta tanah air, bangsa, bahasa, agama dan budaya Melayu yang disemaikan oleh Harun Amurashid, Allahyarham Ibrahim Yaakub, Allahyarham Yaakub bin Muhamad Amin, Karim Rashid, Allahyarham Mohd Taha bin Taib dan lain-lain, satu gerakan politik yang pertama dalam Semenanjung Tanah Melayu dengan nama Kesatuan Melayu Muda (KMM), yang kemudiannya dilanjutkan dan dibesarkan dengan nama PKMM ...⁷¹

Kenyataan Pak Sako telah disokong oleh Profesor Khoo Kay Kim. Beliau menjelaskan bahawa Kesatuan Melayu Muda (KMM)⁷² yang ditubuhkan pada tahun 1938, adalah parti politik kebangsaan yang pertama di negara ini, telah diusahakan oleh lulusan MPSI, seperti Ibrahim Haji Yaakob, Hassan Manan, Mohd Isa Mahmud dan Abdul Karim Rashid. Kecenderungan lulusan MPSI untuk melibatkan diri dalam gerakan politik lebih ketara selepas Perang Dunia Kedua. Pengaruh guru-guru MPSI di peringkat *grass-root* sangatlah kuat dan keadaan ini telah memberikan peluang yang paling berharga kepada mereka untuk menjadi perintis dalam gerakan politik awal di Tanah

⁷⁰ Lotfi Ismail, op.cit., h. 267.

⁷¹ Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), "Dulu SITC Kini MPSI", dalam, Perayaan Jubli Intan SITC/MPSI 1922-1982, Cenderamata Kenangan, K.Lumpur: Utusan Print Corp Sdn.Bhd., 1983.

⁷² KMM mempunyai nama rahsia yang hanya diketahui dan disebut di kalangan pimpinan tertinggi sahaja, iaitu 'Kesatuan Malaya Merdeka', lihat Mazlan Nordin, "Sejarah Nasionalis Melayu" dalam Memoir Mustapha, Berita Harian 24.8.1999, Selasa, h. 10.

Melayu.⁷³ Guru-guru Melayu MPSI mendapat ilham daripada perjuangan rakyat Indonesia menentang penjajah Belanda. Majalah-majalah dan buku-buku terbitan Indonesia menjadi bahan bacaan.⁷⁴ Mereka telah mengikuti sejarah perjuangan pertubuhan-pertubuhan politik di sana seperti Boedi Utomo, Sarekat Islam, Parti Komunis Indonesia, Muhammadiyah, Partai Nasional Indonesia⁷⁵ dan lain-lain lagi. Perjuangan pemimpin pertubuhan-pertubuhan tersebut memberi kesedaran dan keinsafan untuk mereka mengatur strategi bagi mengguling penjajah Inggeris di Tanah Melayu. Di MPSI semangat nasionalisme bukan sahaja dihembuskan oleh pensyarah-pensyarah Melayu, malah O.T. Dussek, pengetua maktab itu sentiasa sahaja meniupkan nafas kesedaran kepada pelajar-pelajarnya, melalui tiga lambang taat setia kebangsaan iaitu, "agamamu, bangsamu, dan bahasamu".⁷⁶ O.T Dussek juga sering menggalakkan para pelajarnya supaya bangkit untuk mempertahankan tanah air agar bangsa Melayu tidak hilang di muka bumi ini. Dia juga dianggap sebagai seorang pengetua (Inggeris) yang liberal, dan berbudi kerana menggalakkan penggunaan buku-buku Balai Pustaka dari Indonesia, malah dia menuahkan sebuah badan yang berfungsi untuk mengembangkan bahan bacaan berbahasa Melayu seperti mana yang dilakukan oleh Balai Pustaka. Badan ini dikenali sebagai Pejabat Karang Mengarang, berfungsi untuk menterjemah, menulis dan menyunting buku-buku bacaan untuk sekolah Melayu.⁷⁷ Semangat yang disemai oleh pensyarah-pensyarah MPSI kepada pelajar di institusi

⁷³ Khoo Kay Kim, "MPSI/SITC dan Pertumbuhan Nasionalisme", dalam *op. cit.*, h.53.

⁷⁴ *Ibid.*, h.53.

⁷⁵ Ahmat Adam, "Pengaruh Indonesia Dalam Aliran Kiri Gerakan Kebangsaan Melayu", dlm., Abdul Latiff Abu Bakar (Penyt.), Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia, K.Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996, h.164.

⁷⁶ Awang Ibad Salleh, Pendidikan dan Nasionalisme: Penentuan Konsep dan Penerokaan Strategi, kertas kerja yang dibentangkan di Konvensyen Pendidikan ke-VIII, di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, 1-2 Ogos 1983, Anjuran Suluh Budiman. Lihat juga dalam, Alias Mohammed, *op. cit.*, h.100.

tersebut telah disebar dengan lebih meluas seluruh Semenanjung Tanah Melayu dengan tertubuhnya, Gabungan Penuntut-Penuntut Melayu Semenanjung (GPMS) yang membawa dua pengertian. Pertama, bertujuan secara tersirat untuk menuntut kemerdekaan, dan kedua pengertian untuk menuntut ilmu. Antara tokoh-tokoh terawal termasuklah Abd. Wahab Arief, Aminuddin Baki dan Siti Hasmah Mohd. Ali. GPMS terlibat secara langsung dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dan seterusnya mengisi kemerdekaan tanah air.⁷⁸

Sebaik sahaja tamat Perang Dunia Kedua, badan politik yang mula-mula sekali ditubuhkan ialah Partai Kebangsaan Melayu Malaya (P.K.M.M atau "The Malay Nationalist Party" atau "M.N.P). Parti ini ditubuhkan di Ipoh pada 17 Ogos 1945, dua bulan selepas Jepun menyerah dan sebulan sesudah British kembali memerintah dan seminggu sesudah Sir Harold MacMichael,⁷⁹ wakil khas kerajaan British, datang membawa perjanjian untuk menegakkan *Malayan Union*. Parti ini merupakan wahana gerakan nasionalis Melayu yang berjiwa radikal, tidak berselindung untuk menuntut kemerdekaan daripada kolonial Inggeris.⁸⁰ Presiden pertama P.K.M.M ialah Mokhtaruddin Lasso⁸¹ Naib Presidennya pula Dr. Burhanuddin al-Helmy. Oleh kerana

⁷⁷ Ahmat Adam, "Gerakan Kebangsaan Awal di Tanah Melayu; Harapan dan Kenyataan", Kertas Kerja yang dibentangkan di KOPEN, MPSI Tanjung Malim, 1-2 Ogos 1983.h.3-4.

⁷⁸ Ahmad Faiz Hamid, "Kesatuan Dalam Kepemimpinan Pelajar", dlm, Dewan Budaya, Ogos 1999, DBP, K.Lumpur, 1999, h.48-49.

⁷⁹ Sir Harold MacMichael pernah bertugas sebagai diplomat di Afrika dan Palestin, tetapi tiada pengalaman bertugas di Tanah Melayu. Beliau juga tidak dapat bertutur dalam bahasa Melayu. Beliau diberi kuasa yang penuh untuk mendapatkan persetujuan raja-raja Melayu agar menyerahkan kedaulatan dan kuasa mereka kepada British. Beliau juga boleh memecat mana-mana raja yang tidak memberi kerjasama untuk menandatangi perjanjian tersebut. Lihat Joginder Singh Jessy, History of South-East Asia (1824-1965), (Penerbitan Darulaman, Kedah, Malaysia, 1985) h.454; Zainal Abidin Abd. Wahid, et al., Malaysia, Warisan dan Perkembangan (Edisi ii), DBP., K.Lumpur, 1996, h. 278.

⁸⁰ Mohd. Salleh Daud, op. cit., h.48-49.

⁸¹ Mokhtaruddin Lasso ialah ahli Komunis Indonesia yang telah datang ke Tanah Melayu bagi mengetuai MPAJA menentang Jepun, ibid., h.51.

tidak mengetahui dengan terperinci kandungan Malayan Union, pada peringkat awal PKMM telah bersetuju dengan rancangan itu, tetapi setelah PKMM menghadiri Kongres Melayu, parti ini telah menukar pendirian daripada menyokong kepada menentang sekeras-kerasnya kerana British "hendak menguburkan kedaulatan Melayu di tanah airnya sendiri"⁸²

Perkembangan semangat nasionalisme di Tanah Melayu jelas 'berkiblatkan' Indonesia, khususnya yang dibawa oleh golongan kiri, yang melaung slogan Melayu Raya atau Indonesia Raya. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kemunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Himpitan terhadap ekonomi orang Melayu amat terasa apabila orang-orang Cina semakin berani menuntut dan mendakwa bahawa Tanah Melayu atau Malaya adalah watannya juga dan kekayaan negeri ini adalah berkat dan usaha keringat mereka.⁸³ Golongan elit, bangsawan dan birokrasi Melayu tidak begitu berminat dengan politik antipenjajahan, jika adapun terlalu lambat dan lebih bersifat konservatif kerana mereka lebih mementingkan *status quo* yang ada.⁸⁴ Bagi Tanah Melayu semangat nasionalisme ini wujud pada mulanya, bertujuan menentang kuasa luar (penjajah) dan imigran yang semakin ramai, dan kemudian selepas Perang Dunia Kedua tumpuan diberikan bagi menuntut kemerdekaan serta mengingatkan orang Melayu akan kedudukan ekonomi mereka yang semakin tenat di negara sendiri.⁸⁵ Masalah ekonomi yang meruncing telah mendapat perhatian yang serius daripada nasionalis Melayu, antaranya Aminuddin Baki. Sudah menjadi

⁸² Ibid, h. 54.

⁸³ Ibid, h.11-12.

⁸⁴ Ibid.

⁸⁵ Ibrahim Saad, "Pendidikan dan Nasionalisme: Penentuan Konsep", Kertas Kerja yang dibentangkan di KOPEN ke-VIII, MPSI Tanjong Malim, 1-2 Ogos 1983, h.3.

kemestian kepada beliau untuk menyelitkan bidalan Melayu dalam setiap pidato yang sering diberikan:

Ayam di kepuk mati kelaparan,
Itik di air mati kehausan,

Alah sabung menang sorak,
Ayam menang kampung tergadai.⁸⁶

Selepas Perang Dunia Kedua tamat telah tumbuh satu kesedaran rakyat di Tanah Melayu apabila penjajah Inggeris ingin menjadikan Tanah Melayu benar-benar "British Malaya" dengan rancangan *Malayan Union*nya. MacMichael yang pernah bertugas sebagai Setiausaha British di Palestin telah dihantar ke Tanah Melayu untuk mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu sebagai tanda penerimaan pembentukan *Malayan Union*. Cara MacMichael memaksa Raja-Raja Melayu menandatangani perjanjian itu dianggap satu tindakan British merampas kuasa Raja-Raja Melayu secara total.⁸⁷ Perasaan tidak puas hati dan marah timbul meluap-luap di kalangan orang

⁸⁶ Mohd. Tajuddin bin Haji Abdul Rahman, *op.cit.*, h.22. (Aminuddin Baki berkhidmat sebagai pensyarah di MPSI pada 17 September 1953. Aktiviti semasa menjadi pensyarah di sekitar tahun-tahun 1955 - 1956 merupakan nadi kepada pergerakan pelajar dalam berpersatuan).

⁸⁷ Berikut adalah dasar Malayan Union:

Pembentukan Malayan Union dibuat melalui 'Order in Council'.
Gabenor menjadi ketua eksekutif Malayan Union dan mempunyai kuasa yang ditentukan oleh Royal Instructions
Penubuhan sebuah majlis kerja
Pembentukan sebuah mahkamah Agung yang mengandungi Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan
Pembentukan sebuah Majlis Perundangan dengan Gabenor sebagai Presiden
Penubuhan Majlis Negeri dalam tiap-tiap negeri dan Majlis Neger--Negeri Selat bagi Pulau Pinang dan Melaka
Penubuhan sebuah Majlis Penasihat dengan Gabenor sebagai Presiden
Kerakyatan dibentuk oleh "Malayan Union Citizenship Order in Council"
Mereka yang menjadi rakyat ialah; (a) Sesiapa yang lahir di Malayan Union atau Singapura sebelum dan pada hari rang undang-undang dikuatkuasakan; (b) sesiapa yang berumur 15 tahun yang tinggal di Malayan Union atau Singapura selama 10 tahun dan 15 tahun yang ditetapkan; (c) Sesiapa yang lahir di Malayan Union atau Singapura selepas rang undang-undang dijalankan; (d) Sesiapa yang lahir di luar Malayan Union atau Singapura pada atau selepas rang undang-undang dikuatkuasakan, dari ayah warganegara Tanah Melayu di bawah peruntukan (b) di atas atau telah mendapat kerakyatan secara 'naturalization'; (e) Anak-anak (di bawah umur 18 tahun) bagi meeka dalam peruntukan (a) dan (b) boleh juga menjadi rakyat

Melayu. Mereka bangun menentang dengan paduan suara yang lantang tanpa menghiraukan risiko yang bakal terjadi. Rentetan daripada Kongres Melayu⁸⁸ yang paling bersejarah telah diadakan di Kuala Lumpur pada Mac 1946, yang disertai oleh 41 buah pertubuhan, persatuan dan kesatuan Melayu termasuk kaum ibu dan kaum asli turut mengambil bahagian.⁸⁹ Walaupun mendapat tentangan hebat daripada rakyat, tetapi daripada segi *de jure* dan *de facto* kuasa Raja-raja Melayu telah diserahkan secara total kepada penjajah Inggeris untuk dijadikan seluruh Tanah Melayu sebagai koloni British.⁹⁰ Penentangan terhadap Malayan Union, telah mendorong kepada kewujudan UMNO, dan peristiwa-peristiwa lain seperti Perjanjian Persekutuan 1948, Pilihanraya Pertama 1955, dan seterusnya kemerdekaan 1957. Pembentukan UMNO itu sendiri adalah satu organisasi pertama yang bersifat 'kebangsaan'. Lantaran UMNO telah dianggap 'suara dan rupa' orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, dan terdapat beberapa organisasi Melayu yang lain seperti PKMM, Saberkas, Persatuan-persatuan Negeri seperti Kelantan, Selangor, Terengganu, dan sebagainya berada di bawah payung UMNO. Keadaan tenang UMNO tidak bertahan lama kerana wujud pergesaeran dalaman yang menyebabkan Dato' Onn sendiri telah keluar UMNO pada

Malayan Union. Warganegara Jepun dihalang mendapat kerakyatan di atas. Naturalization - Gabenor Malayan Union akan memberikan sijil kerakyatan kepada pemohon yang memuaskan hatinya; iaitu mereka yang tinggal satu tahun dari tarikh kuat kuasa undang-undang, dan berperangai elok dan mempunyai pengetahuan yang mencukupi terhadap bahasa Melayu dan Inggeris.

⁸⁸ Antara resolusi Kongres Melayu ialah; Perjanjian MacMichael 1946 itu tidak sah dan batal; paksaan terhadap Raja-Raja Melayu itu menentang dasar-dasar demokrasi dan tidak boleh diterima sama sekali; penjajahan ke atas Tanah Melayu adalah bertentangan dengan Piagam Atlantik (*Atlantic Charter*), menghapuskan wujudnya 9 buah negeri Melayu, orang Melayu mempunyai negeri dan raja-raja sendiri menghapuskan perjanjian awal yang mengikut iktiraf kedaulatan Raja-Raja Melayu; menjemput British menyiasat sepenuhnya suasana yang ada di Tanah Melayu, dan mendesak kerajaan British menarik balik cadangan tersebut dengan segera.

Lihat, Ramlah Adam, op. cit., h. 119; Zainal Abidin Wahid (et.al), op.cit., h. 281; Ibrahim Mahmood, op. cit, h.87-88.

⁸⁹ Ibid.

tahun 1951 dan menubuh Parti Negara. Begitu juga dengan Biro Agama UMNO yang keluar telah menubuhkan Persatuan Ulama Se-Malaya yang akhirnya bertukar menjadi Parti Islam Se-Malaya (PAS). Semua parti-parti tersebut kecuali PKMM yang diharamkan telah memberi tentangan hebat kepada UMNO dalam pilihanraya kemudiannya.⁹¹

Dalam perjuangan menuntut kemerdekaan mutlak, perjuangan pertubuhan politik Islam yang dikenali dengan nama Hizbul Muslimin, tidak boleh dikesampingkan. Hizbul Muslimin (Parti Orang-orang Muslimin Malaya) telah ditubuhkan oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Mudir Maahad Il-Ihya al-Syariff, di Gunong Semanggol, Perak. Pakatan politik Islam ini ditubuhkan pada 17 Mac 1948.⁹² Terdapat tiga dasar utama yang digariskan oleh pertubuhan Islam ini: pertama, untuk membebaskan bangsa Melayu dan Tanah Melayu daripada penjajahan; kedua, untuk membentuk negara Islam sejagat; dan ketiga, untuk mewujudkan Tanah Melayu sebagai sebuah negara Darul Islam. Penubuhan Hizbul Muslimin membimbangkan pihak penjajah Inggeris. Telah menjadi dasar British, untuk menghapuskan sebarang gerakan yang berteraskan agama dan memperjuangkan kemerdekaan dan semangat Pan-Islamisme. Sebuah badan perisikan British telah membuat laporan kepada Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu, dan mengesyorkan agar badan tersebut diawasi.

The development of this movement should be very closely watched, for it preaches Nationalism as the

⁹⁰ Mahadzir Mohd Khir, Gerakan Kebangsaan dan Proses Pembentukan Negara: Bangsa Malaysia, dalam, Abdul Latiff Abu Bakar, *ibid.*, h.205.

⁹¹ *Ibid.*, h. 206 -207.

⁹² PAS dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan, *op.cit.*, h.4. (Lihat juga dalam, Nabir Hj Abdullah, Maahad Il- Ihya Assyariff Gunung Semanggol, 1934-1959.

religious duty of all Believers, and Islam has always been a militant creed.⁹³

Berikutan dengan pengisytiharan Darurat pada 18 Jun 1948, pihak berkuasa British telah menangkap pemimpin-pemimpin Hizbul Muslimin dan beberapa bulan kemudian, parti Islam Hizbul Muslimin telah diharamkan oleh British dengan sokongan kuat Dato' Onn, selaku Yang Dipertua UMNO.⁹⁴ Selepas itu perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan telah diwarisi oleh PAS yang mana dasar pejuangannya mempunyai keserupaan. Puncak kegembirangan perjuangan dan penghayatan nasionalisme Melayu telah tercapai apabila Inggeris bersetuju memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, melalui pakatan bersama dengan etnik Cina dan India ke arah kesejahteraan dan kemakmuran bersama. Mengikut perkiraan British pakatan UMNO, MIC dan MCA untuk menuntut kemerdekaan negara adalah satu peluang yang amat baik bagi menyekat kebangkitan golongan nasionalis Melayu yang lebih radikal. Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman dalam ucapannya di Universiti Sains Malaysia, pada Jun 1971 telah menyatakan bahawa perjuangan untuk menuntut kemerdekaan negara juga adalah hasil daripada sumbangan yang besar golongan 'nasionalis radikal':

British government decided to concede to the nationalist group which chose the constitutional path and possessed the basis for compromise with other ethnic communities in this country. ...its is true that independence was achieved by the moderate group, but history has also shown that the radical nationalist group also made its contribution towards the achievement of independent".⁹⁵

⁹³ Ibid., h.5.

⁹⁴ Ibid., h.6.

2.4: Reformasi Islam (*Islah Islamiyyah*)

Reformasi dalam takrifan yang mudah ialah sesuatu jenis perubahan di mana pembentukan semula dilakukan kepada sesuatu bentuk yang mengubahkannya menjadi suatu bentuk atau corak yang lain.⁹⁶ Reformasi ialah suatu rupa pembaharuan dan perubahan yang dicetuskan oleh sesuatu keperluan yang berpunca daripada kehendak atau matlamat yang tertentu. Ianya berlaku bukanlah semata-mata kerana hendak melakukan perubahan, atau mengikut amalan-amalan yang dilaksanakan oleh pihak lain, tetapi sebaliknya merupakan sesuatu usaha yang dirancang dengan penuh kesedaran dan dihalakan ke arah atau sasaran yang tertentu. Dalam lingkungan reformasi semua kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan adalah untuk mencapai matlamat jangka panjang, sementara matlamat tersebut pula menyeluruh pula sifatnya.⁹⁷

Gerakan reformasi Islam (*Islah Islamiyyah*) bertiup di alam Melayu pada zaman sebelum perang, dipelopori oleh gerakan pembaharuan atau fundamentalisme yang berlaku di Mesir.⁹⁸ Antara tokoh reformasi Islam ialah, Syed Jamaluddin al-Afghani (1839-1897), Syekh Muhammad Abduh (1849-1905), Syed Muhammad Rashid Ridha (1865 -1935). Gerakan pembaharuan ini bersendikan dua asas utama, iaitu dari segi agama, menuntut pembersihan kepercayaan dan amalan keagamaan, meningkatkan taraf kecerdasan serta peluasan dan modenisasi pendidikan. Manakala dari segi politik pula ialah untuk menghilangkan pelbagai faktor yang memecahbelahkan kaum Muslimin dan

⁹⁵ Dipetik oleh Firdaus, *op.cit.*, h.6.

⁹⁶ Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, "Reformasi Pendidikan dan kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Isu dan Cabaran", dalam, Mohd. Idris Jauzy (editor), *Reformasi Pendidikan di Malaysia*, Nurin Enterprise, K.Lumpur, 1991, h.17.

⁹⁷ *Ibid.*, h. 17-18.

mempersatukan mereka untuk mempertahankan iman.⁹⁹ Abu al-'Ala al-Maududi telah menjelaskan bahawa 'Pembaharuan' atau Reformasi Islam ini ialah bertujuan untuk "memurnikan Islam daripada unsur-unsur jahiliah dan memelihara kelangsungan ajarannya yang murni".¹⁰⁰ Menurut Maududi lagi terdapat beberapa amalan pembaharuan yang dapat memperjelaskan fungsi golongan ini, antaranya ialah, membaiki masyarakat, menghapuskan penyakit masyarakat, menjelaskan bahaya jahiliah dan pengaruhnya serta sikap Islam . Selain itu, ia melibatkan usaha mencari pokok persoalan untuk diselesaikan bagi 'menebas' jahiliah, refleksi diri (*muhasabah*) bagi menambah amalan kendiri, merombak *weltanschauung* dan pola berfikir masyarakat kepada Islam. Semua ini dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui reformasi sistem pendidikan dan pengajaran, menghidupkan sains serta ilmu pengetahuan Islam. Pembaikan secara praktis, sebagai contoh, boleh dilakukan melalui amalan membuang amalan jahiliah, membersihkan akhlak dan bermotivasi untuk mendorong tokoh-tokoh masyarakat yang saleh bagi memimpin umat berdasarkan Islam. Selanjutnya, reformasi meliputi kemampuan berijtihad dalam persoalan agama, aktif dan responsif terhadap kebangkitan Islam, dan menghidupkan sistem Islam dengan menghancurkan jahiliah, seterusnya membuat reformasi secara yang lebih global di peringkat internasional.¹⁰¹

⁹⁸ Mohd. Sarim Haji Mustajab, 'Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya', dalam, Abdul Latif Abu Bakar, *op.cit.*, h.117.

⁹⁹ A.R. Gibb, *Islam Dalam Lintasan Sejarah*, (trjm. Abu Salamah), (Jakarta: Bharata Karya Aksara, Jakarta, 1983) h. 129-130. (tajuk asal ialah, Mohammedanism, (The New American Library of World Literature, USA, 1953).

¹⁰⁰ Abu 'Ala al-Maududi, *Langkah-langkah Pembaharuan Islam*, (Tjhn. H. Dadang Kahmad dan Arif Mohammad), (Bandung: Penerbit Pustaka, Bandung, 1984), h.42. Lihat juga, Mustafa Hj. Daud, *Beberapa Aspek Pemikiran Maryam Jameelah*, (Selagor: Ikatan Studi Islam, UKM, 1984) h. 76-77.

¹⁰¹ *Ibid*, h.46-47.

Walau bagaimanapun peranan golongan reformis Islam tidak akan menjadi statik (*jumud*) seandainya tidak dapat menyempurnakan semua amalan-amalan tersebut. Fazlur Rahman menyokong pandangan Maududi tentang Reformasi Islam iaitu ia seharusnya dimulai dengan pendidikan (*tarbiyyah*). Beliau mengesyorkan supaya intelektualisme moden diintegrasikan untuk melahirkan *weltanschauung* Islam yang asli dan moden. Reformasi Pendidikan merupakan, satu-satu pendekatan jangka panjang untuk penyelesaian masalah-masalah dalam masyarakat Islam.¹⁰² Ismail al-Faruqi juga memberikan pandangannya tentang peri pentingnya pendidikan dalam merekonstruksikan umat, iaitu:

Tidak ada harapan untuk memulih semula ummah secara sejati kecuali sistem pendidikan dibaharui dan kelemahannya dibaiki. Sesungguhnya apa yang diperlukan ialah bahawa sistem baru perlu dibentuk. Dualisme dalam sistem pelajaran orang Islam sekarang, percabangannya kepada sistem Islam dan sistem sekular, dan sistem sekular mesti dihapuskan sepenuhnya untuk selama-lamanya. Kedua-dua sistem ini mesti disatukan dan digabungkan dan sistem yang muncul mesti berfungsi sebagai satu bahagian yang berpadu dengan rancangan ideologinya.¹⁰³

Penyebaran gerakan Reformasi Islam di Tanah Melayu bermula di Negeri-Negeri Selat dan dipelopori oleh Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, seorang ulama yang berasal dari Minangkabau. Beliau mempunyai taraf pendidikan yang tinggi iaitu di Mekah dan al-Azhar Mesir. Perjuangan Syeikh Muhammad Tahir disokong hebat oleh rakan-rakannya yang sealiran iaitu mereka yang memiliki idea reformasi Islam yang cuba diterapkan ke dalam masyarakat, yang rata-rata masih dilingkungi oleh sahaman konservatif yang lebih suka meneruskan apa yang ada. Tokoh reformis lain yang tidak

¹⁰² Fazlur Rahman, Islam, (Terjmh. Ahsin Mohammad), Penerbit Pustaka, Bandung, 1984, h. 317.

kurang pentingnya ialah Syed Syeikh Al-Hadi, Haji Abbas Mohd Taha dan Mohd Salim al-Kalali. Mereka telah berjaya menerbitkan majalah *Al-Imam* sebagai lidah rasmi perjuangan mereka pada tahun 1906 di Singapura.¹⁰⁴ Majalah *Al-Imam* berperanan besar untuk:

‘To remind those who are forgetful, arouse those who sleep, guide those who are astray, and give a voice to those who speak with wisdom’.¹⁰⁵

Al-Imam tidak bertahan lama kerana penerbitannya dihentikan pada tahun 1908. Untuk meneruskan perjuangan menyebarluaskan idea reformasi Islam ini, Haji Abbas Mohd Taha telah menerbitkan majalah *Neraca* pada tahun 1911. Negeri-negeri Selat seperti Melaka, Pulau Pinang dan Singapura merupakan ‘pangkalan’ utama gerakan reformasi Islam kerana negeri berkenaan tidak mempunyai raja atau sultan., lantaran itu gerakan reformasi Islam di negeri-negeri berkenaan tidak diganggu oleh pihak istana.

Gerakan Reformasi Islam turut menjalar ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dengan munculnya madrasah yang beraliran demikian, contohnya Madrasah Idrisiah di Kuala Kangsar yang diasaskan oleh Syeikh Abdullah Maghribi atas jemputan Sultan Perak.¹⁰⁶ Di Selangor pengaruh Reformasi Islam bermula di Madrasah al-Ubudiyah, Kampung Jenderam, yang diasaskan oleh Haji Jalaluddin bin Ismail dari Minangkabau pada tahun 1922. Negeri Sembilan juga menerima angin Reformasi Islam ini, iaitu bermula di Kuala Pilah dengan tertubuhnya Madrasah 'Aliya Islamiyyah atau High Islamic School) atas inisiatif Maulana Muhammad Maadah bin Layang. Pada tahun 1954

¹⁰³ Dipetik oleh, Ziaudin Sardar, Masa hadapan Islam: Bentuk Idea Yang Akan Datang. (tjmh. Mohd Sidin Ahmad Ishak), DBP, K.Lumpur, 1990, h. 99.

¹⁰⁴ Abdul Rahman Hj Abdullah, Gerakan Islah di Perlis, Sejarah dan Pemikiran, K.Lumpur: Penerbitan Pena, K.Lumpur, 1989 h.5.

¹⁰⁵ Firdaus, op cit., h. 57. (Dipetik daripada Roff, The Origins ..., h.56).

tertubuh pula Madrasah Ittiba' al-Sunnah di Jalan Seremban. Antara tokoh reformis yang terlibat dengan penubuhan madrasah tersebut ialah, Haji Ibrahim Amin dari Jasin Melaka, Ibrahim Aqibi dari Pulau Pinang dan Abu Bakar al-Asha'ari dari Perlis.¹⁰⁷

Di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu gerakan Reformasi Islam turut berkembang, malah ada kalanya mendominasikan pentadbiran agama di negeri-negeri berkenaan. Di Kelantan tokoh yang selalu disebut-sebut ialah Haji Wan Musa bin Abd Samad (1874-1939). Beliau sebenarnya adalah pendokong tradisionalisme, tetapi bersikap liberal kerana menerima fatwa dan pendapat mazhab-mazhab lain. Kedudukan beliau diperkuuh oleh anaknya Haji Nik Abdullah yang dipengaruhi oleh ajaran Syah Waliullah al-Dehlawi ketika menuntut di India.¹⁰⁸ Di Tanah Melayu, negeri Perlis mempunyai rekod kegemilangan dalam menginstitusikan aliran reformasi Islam (*Islah Islamiyyah*) di negeri tersebut. Kelainan dan kejayaan aliran ini bertapak di Perlis lantaran sokongan dan dokongan yang padu oleh para pembesar negeri itu sendiri.¹⁰⁹

Kemunculan golongan reformis yang membawa aliran Islam yang lebih *energetic* tidak disenangi oleh golongan ulama tradisional. Ekoran dari itu, timbulah dua istilah yang membawa konotasinya yang tersendiri - Kaum Muda dan Kaum Tua. Sebenarnya, perkataan ini diada-adakan bagi menunjukkan pertentangan aliran sahaman dan perbezaan antara dua belah pihak. Pada asasnya Kaum Muda dan Kaum Tua masing-masing bersandarkan kepada al-Qur'an dan al-Hadis, tetapi yang menjadi perselisihan ialah Kaum Muda lebih suka membuat tafsiran yang agak bebas dan tidak terikat, iaitu penghuraian ajaran al-Qur'an dan al-Hadith adalah untuk perjuangan mencapai kejayaan

¹⁰⁶ Ibid., h.6.

¹⁰⁷ Ibid., h.8.

¹⁰⁸ Ibid.,

¹⁰⁹ Ibid.,

dunia dan akhirat. Sebaliknya Kaum Tua lebih suka membicarakan hal-hal ibadat dalam ugama khususnya perkara-perkara kecilan.¹¹⁰ Za'ba telah membuat kritikan yang agak pedas ke atas Kaum Tua yang lebih mementingkan hal-hal cabang (*furu'*) dalam agama Islam:

Kalau ada pun tiadalah lain daripada perkara mencari pahala (konon!) seperti mengherek-herek suara membaca 'berzanji' dan 'marhaban' (memuji nabi dengan bersorak-sorak) pada malam-malam tertentu dan melagukan 'qasidah' dan terjerit-jerit; memanggil guru agama secara kuno, mengaji kitab-kitab jawi yang tiada berkesudahan syarat rukunnya, sah batalnya dan halal haramnya, dosa pahalanya. ... iaitu yang menjadi nista kepada akal fikiran orang-orang yang berpengetahuan. Bilakah sampai kepada perkara-perkara yang menjadi akar umbi Islam, seperti ilmu al-Tafsir, ilmu al-Hadith, ilmu al-Tasyrikh, ilmu al-Tarikh dan lain-lain.¹¹¹

Bagi mempertahan aliran fahaman masing-masing, telah diadakan perdebatan mengenai tidak kurang daripada 17 fasal, antaranya soal talqin, perkara-perkara sunat dalam solat seperti soal "*usalli*", soal qunut dan sebagainya.; perkara sebutan "*Saidina Muhammad*" ketika berselawat; perkara adat istiadat seperti kenduri kendara yang membazir; perkara solat pediah untuk orang mati; adat-adat dalam perkahwinan; membuat kubur dalam masjid dan sebagainya. Bagi Kaum Muda perkara-perkara seperti melakukan talqin adalah tidak menepati kehendak al-Qu'an dan al-Hadith, dan orang-orang yang melakukannya dituduh mengamalkan bid'ah¹¹² Teguran Kaum Muda terhadap Kaum Tua yang bersandarkan kekuasaan raja-raja Melayu, menatijahkan kesan negatif apabila Kaum Muda dicap dan dituduh sebagai kafir atau puak yang murtad.

¹¹⁰ Nabir Hj Abdullah, *op.cit.*, h.13.

¹¹¹ Za'ba, "Jalan Keselamatan bagi Orang Melayu", (Kertas kerja yang dibentangkan dalam KOPEN ke-VIII, MPSI, 1-2 Ogos 1983) h. 20.

¹¹² Ibid.

Hujah-hujah Kaum Tua adakalanya ada logiknya, sebagai contohnya pandangan Kaum Muda tentang amalan riba (*interest*) yang diamalkan oleh bank dan koperasi. Golongan ini semacam 'menghalalkan' kegiatan ini, seperti hujah Syed Syeikh al-Hadi yang pernah menghalalkan bunga bank, saham dan koperasi.¹¹³ Selain itu, Syed Syeikh al-Hadi juga menghasilkan sebuah novel yang 'panas' pada waktu itu, iaitu *Hikayat Faridah Hanum* yang menggarapkan konsep pergaulan bebas dan percintaan ala Barat. Karya ini dianggap menghina nilai-nilai moral Timur dan tidak bermoral (*immoral*).¹¹⁴ Pihak Kaum Muda melalui *al-Imam* telah membalas serangan Kaum Tua dan yang sekutu dengannya melalui hasil pena yang tegas dan pedas, iaitu "orang yang berserban besar dan penjual tangkal dan penipu yang berjalan dengan menjijit tasbih, bercermin mata, bertongkat panjang" sebagai penipu daya orang Melayu.¹¹⁵ Salah seorang penyokong Kaum Muda, Ahmad Lutfi, seorang mahasiswa Universiti al-Azhar telah mengkritik ulama tradisional yang lebih senang mendapat keredaan orang-orang besar semata-mata untuk mendapat imbuhan atau habuan. Mereka juga dikatakan mencari ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith untuk menguatkan kedudukan mereka sahaja.¹¹⁶ Walau bagaimanapun, golongan reformasi Islam telah disekat daripada menyebarkan idea mereka. Sebagai contohnya di negeri Kelantan undang-undang mlarang Kaum Muda mengajar agama kepada orang ramai telah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Mereka dianggap terkeluar daripada agama Islam ataupun kafir (*infidel*) atau Qadiani. Semua penerbitan Kaum Muda juga diharamkan di beberapa buah negeri.¹¹⁷ Bukan itu sahaja

¹¹³ Za'ba, "Modern Developments of Malay Literature" dalam Winstedt, A History of Malay Literature", JMBRAS, vol. XVIII, pt. 111, January 1940, dipetik oleh Abdul Rahman Haji Abdullah, op.cit., h. 244.

¹¹⁴ Abdul Rahman Haji Abdullah, ibid., h.225.

¹¹⁵ "Al-Imam", keluaran 1 Jun, 1908, h. 375 dalam Lembaran Akhbar Melayu, op.cit h. 23.

¹¹⁶ Roff, op.cit., h. 86-87.

¹¹⁷ Ibid., h.80.

risiko yang diterima oleh mereka, ada di antara mereka yang dihalau keluar dari negeri berkenaan, sebagai contohnya Syeikh Tahir Jalaluddin telah dihalau keluar dari Johor dan Perak oleh Sultan.¹¹⁸ Di negeri-negeri berkenaan kegiatan reformasi Islam dihalang oleh undang-undang Islam (?) yang dikuasai sepenuhnya oleh Sultan dan Majlis Agama dengan segala macam peraturan dan undang-undang. Undang-undang yang terpenting sekali ialah *Mohammadan Laws Enactment 1904, Section 9* yang melarang mengajar tanpa tauliah atau mencetak risalah-risalah agama, dan *Amending Enactment 1925* yang menegaskan bahawa sesiapa yang mencetak dan menerbitkan tulisan tentang agama Islam tanpa mendapat kebenaran Sultan boleh dihukum penjara atau didenda sebanyak \$200.¹¹⁹ Walaupun begitu aliran pemikiran golongan ini merebak juga di negeri-negeri berkenaan.

Menurut pandangan H.A.R Gibb, golongan reformis Islam agak terburu-buru dalam menyampaikan aliran baru kepada masyarakat dan tidak mengikut sunnah Rasulullah.¹²⁰ Gibb sebenarnya tidak begitu bersetuju dengan golongan Reformasi Islam kerana dasar perjuangannya adalah bertentangan dengan kehendak kolonial British di Mesir pada waktu itu. Di Tanah Melayu penjajah British lebih senang dengan Kaum Tua yang dianggap sederhana yang tidak banyak membincangkan masalah ummah dan negara.

¹¹⁸ Raja Mohamad Affandi, "Sejarah Perjuangan Kebangsaan", dalam Dewan Masyarakat Jld. II, Bil. II, 15 November 1964 (DBP, 1964) h.4.

¹¹⁹ Mohd. Khalil Hussein, "The Department of Religious Affairs, Perak", Latihan ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1958, h.8.

¹²⁰ HAR Gibb, op.cit., h.140.

Peranan yang dimainkan oleh golongan reformasi Islam amat bermakna dalam memupuk kesedaran menghayati Islam secara komprehensif (*syumul*), terutamanya dalam soal pelajaran.¹²¹ Mengikut Ibrahim bin Abu Bakar:

Muslim modernists advocated reformism and the modernization of Muslim education to overcome what they considered to be the intellectual and spiritual inertia of Islamic traditionalism in the face of Western intellectual development. They were ambitious in wanting to produce modernist Muslim intellectuals who would be able to face Western intellectuals and participate in the development of their countries and societies.¹²²

Golongan reformasi Islam telah berjaya mengembangkan bidang ini di seluruh pelosok Tanah Melayu. Mereka telah menggunakan wahana bahan-bahan bercetak seperti akhbar *al-Imam* dan juga majalah seperti *Pengasuh* di Kelantan bagi menyampaikan misi perjuangan kepada masyarakat terbanyak. Idea dan lontaran ilmu yang dianggap kontroversial telah mendapat perhatian masyarakat untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan ilmiah. Di samping perjuangan golongan ini untuk menghapus *khurafat*¹²³ dan *bid'ah*, mereka juga sedar bahawa pengaruh Barat yang disuntik oleh penjajah Inggeris membawa fahaman kebendaan (*materialisme*), modenisasi dalam masyarakat tempatan, serta pengaruh dakyah Kristian yang semakin mengganas, satu perubahan dalam sistem pendidikan perlu dibuat bagi menghadapi gejala baru ini.¹²⁴ Perjuangan Kaum Muda (Reformis Islam) adalah mendahului zamannya¹²⁵ telah menyebabkan usaha yang bernilai untuk membangunkan bangsa,

¹²¹ "Al-Imam", 17.9.1906, *op.cit.*, h. 81.

¹²² Ibrahim bin Abu Bakar, *Islamic Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayid Syekh Al-Hadi 1867 – 1934*, K.Lumpur: University of Malaya Press,1994) h.30.

¹²³ Kepercayaan karut.

¹²⁴ Nabir Hj Abdullah, *op.cit.*, h. 17.

¹²⁵ Abdullah bin Haji Jaafar, dalam Lembaran Akhbar Melayu, *op.cit.*, h.32.

negara serta agama telah dipandang serong oleh golongan Kaum Tua yang telah mapan (*establish*) kedudukannya.

Walaupun mendapat tentangan dan sekatan daripada golongan Kaum Tua, idea dan misi perjuangan kaum Muda telah mendapat tempat dalam hati dan minda sebahagian masyarakat Melayu. Golongan Reformasi Islam merupakan pelopor yang berani tampil ke hadapan untuk memulakan gerakan perjuangan orang Melayu seluruhnya. Sumbangan besar reformis Islam ini telah membawa kesedaran masyarakat Melayu untuk menuntut kemerdekaan daripada penjajah.

2.5: Kolej Islam Malaya: Cetusan Sebuah Idea

Berikutan tamatnya Perang Dunia Kedua, dalam tahun 1945, masyarakat Melayu telah mengalami anjakan paradigma yang ketara, apabila mereka mahukan pelajaran agama yang lebih luas dan yang lebih tinggi. Lantaran itu banyak sekolah pondok berubah menjadi sekolah agama yang lebih besar dan sistematik. Sekolah-sekolah agama semakin giat dibangunkan di merata ceruk di Tanah Melayu.¹²⁶ Para tokoh dan intelektual Islam di Tanah Melayu pada masa itu mendapati sekolah-sekolah agama yang ada terpaksa bersaing dengan perkembangan ilmu pengetahuan semasa (sekular). Pengajaran Islam yang dijalankan tidak seragam dan mudah digugat oleh cabaran modenisasi dalam bidang sosial, ekonomi dan politik.¹²⁷

¹²⁶ Kalendar, Kolej Islam Malaya, h.2 (Edisi jawi), (Dokumen ini diperoleh dari perpustakaan Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang).

¹²⁷ Cenderamata Ulang Tahun ke-20 Kolej Islam 1955 - 1975, 23 Ogos 1975

Cita-cita para ulamak serta masyarakat Islam di Tanah Melayu untuk melihat wujudnya sebuah institusi pendidikan tinggi agama yang berwibawa serta bersistem telah disuarakan oleh tokoh-tokoh pendidik sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Idea supaya sebuah Kolej Islam didirikan di Tanah Melayu pernah diajukan oleh Za'ba dalam majalah *al-Ikhwan*, 16 Januari 1927¹²⁸ Za'ba mahu model Kolej Islam seperti Mohammadan Anglo Oriental College, di Aligarh, India yang telah ditubuhkan oleh Sir Syed Ahmad Khan¹²⁹ didirikan di Tanah Melayu . Idea yang bermakna ini hanya terkandung dalam majalah *al-Ikhwan* tanpa ada apa-apa tindakan susulan daripada pihak-pihak yang mempunyai kewibawaan. Walau bagaimanapun, cetusan idea tersebut mendapat perhatian para cendekiawan Islam di Tanah Melayu secara lebih serius pada akhir tahun 1940-an.¹³⁰ Utusan Melayu 20 September 1946¹³¹ melaporkan resolusi mesyuarat Agung PEKEMBAR di Pulau Pinang pada 28 Julai 1946, yang bersetuju sebulat suara untuk menubuhkan "sebuah sekolah tinggi bagi pelajaran agama yang boleh memberi sijil (diploma) kepada sesiapa yang lulus dalam peperiksaan tahun akhir dan murid yang diterima belajar di sekolah tinggi tersebut mempunyai kelayakan tertentu dengan mendapat sijil daripada sekolah pertengahan". Mungkin "sekolah tinggi" yang dimaksudkan itu ialah Kolej Islam. Kesedaran peri pentingnya sebuah institusi pendidikan tinggi Islam di Tanah Melayu, menjadi agenda utama Persatuan Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya Singapura.¹³² Tokoh utama yang bersungguh-sungguh agar penubuhan Kolej Islam disegerakan ialah Almarhum Maulana Mohamed Abdul Alim

¹²⁸ Za'ba, "Guna Kekayaan", *al-Ikhwan*, 16 Januari 1927, h. 95-96, nota kaki, Adnan Hj Nawang. *Za'ba dan Melayu*. (Berita Publishing Sdn. Bhd., 1998, h.118.

¹²⁹ David Lelyveld, *Aligarh's First Generation : Muslim Solidarity in British India*, New Jersey, USA Princeton University Press, 1978, h.102.

¹³⁰ Sufyana bt Maruf, "Kolej Islam Kelang: Sejarah Penubuhan dan Perkembangannya (1955 - 1980)". tesis, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986/87.

Siddiqui.¹³³ Beliau juga dilantik sebagai penaung Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya, Singapura.¹³⁴ Tokoh yang tidak kurang pentingnya dalam merealisasikan kewujudan Kolej Islam Malaya, ialah Almarhum Dato' Syed Ibrahim Omar Al-Sagoff, selaku Yang Dipertua Persekutuan Islam Se- Malaya, Singapura. Semangat Almarhum Dato' Syed Ibrahim Omar al-Sagoff bertambah bersemarak apabila Universiti Malaya di tubuhkan di Singapura pada tahun 1949. Beliau mendesak agar pihak kerajaan mendirikan sebuah institusi pengajian tinggi Islam untuk masyarakat Islam di Tanah Melayu.¹³⁵ Di samping dua orang tokoh utama di atas, terdapat juga beberapa ulamak lain yang memainkan peranan penting dalam penubuhan Kolej Islam Malaya, antaranya ialah Tuan Wanjur bin Abu Bakar, Setiausaha Persekutuan Islam Se-Malaya, Encik Ahmad bin Ibrahim, Yang Dipertua Pemuda Islam Singapura. Turut serta ialah Dato' Awang bin Omar, Yang Dipertua Jabatan Agama Johor, Dato' Abdullah bin Isa, bekas pegawai daerah Segamat, Johor, Tuan Haji Muhammad Amin bin Imran, Setiausaha Jabatan Agama Johor, dan

¹³¹ Utusan Melayu, 20 September 1946, h. 12.

¹³² Sufyana, op.cit., h. 39.

¹³³ Maulana Mohamed Abdul Alim Siddiqui adalah seorang pendakwah (muballigh) Islam dari Pakistan yang sentiasa memberi semangat kepada masyarakat di Tanah Melayu agar menubuhkan sebuah institusi pendidikan tinggi. Maklumat ini diperoleh daripada wawancara penulis dengan Ustaz Hussein Unang, bekas pelajar dan pensyarah Kolej Islam Malaya pada 26 Ogos 1999. Pada tahun 1928, Maulana Abdul Alim Siddiqi tiba di Singapura dan mencadangkan ditubuhkan sebuah badan dakwah untuk menyebarkan ilmu-ilmu Islam. Gesaan beliau menjadi kenyataan pada tahun 1931 dengan tertubuhnya *All-Malaya Muslim Missionary Society* (Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya). Tujuannya untuk melaksanakan dakwah Islam dan menghadapi cabaran dakyah Kristian, Qadiayani dan Bahai. (Lihat dalam, Nasrudin Haji Salleh, "Jam'iah Lambang Perpaduan Umat Islam", dlm. *Al-Islam*, Julai 1985. Maulana Abdul Alim As-Siddiqi pernah melawat Johor Bharu (Majlis 10.1.1949 , h5, Madrasah Idrisiah, K.Kangsar (Majlis, 26.1.1949, h.3) dan Selangor. Beliau mencadangkan agar ditubuhkan Persekutuan Islam Seruan Islam Selangor(Majlis, 27.1.1949).

¹³⁴ Kalendar Kolej Islam Malaya, h. 3. Hal ini dinyatakan juga oleh Ustaz Hassan Salleh, dalam wawancara penulis dengannya pada 28 Ogos 1999. (Ustaz Hassan Salleh adalah salah seorang daripada pensyarah awal Kolej Islam Malaya, yang kemudiannya setelah Kolej Islam Malaya telah diserapkan menjadi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau secara automatik diserapkan sebagai pensyarah di universiti tersebut. Semasa diwawancara, Ustaz Hassan Salleh telah berumur 73 tahun dan telah bersara dan kini sedang giat menterjemah serta menulis buku-buku agama).

¹³⁵ Baharuddin Abu Kassim, "Sejarah Kolej Islam Malaya", Kertas Penyelidikan, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1976, h.3. Perkara ini ditegaskan juga oleh Tan Sri Prof. Abdul Jalil Hassan, yang telah

Tuan Haji Abdul Jalil Hassan, Penolong Mufti Johor.¹³⁶ Kebanyakan mereka adalah lulusan Universiti Al-Azhar dan lain-lain institusi pengajian tinggi Islam yang mendapat pendidikan secara sistem persekolahan.¹³⁷

Media massa pada awal 1950-an seperti radio, akhbar-akhbar serta majalah-majalah turut mengambil prihatin tentang ura-ura untuk menubuhkan Kolej Islam Malaya. Akhbar "Melayu Raya" telah membuat komentar tentang ura-ura penubuhan Kolej Islam Malaya dengan menyuarakan bahawa, "hasrat hidup di dunia janganlah dilupai. Oleh itu ajaran-ajaran dalam Kolej Islam itu hendaklah kelak mengutamakan kemajuan untuk berhidup di dunia sama. Tegasnya, pelajaran-pelajaran hendaklah dipenuhi dengan ilmu kepandaian yang boleh bawa penuntut-penuntut bila lepas saja dari Kolej itu terus hidup atas kakinya sendiri... Penyusun-penyusun pelajaran Kolej itu harus bagus mengambil contoh kepada kolej-kolej Islam di Indonesia dan India kerana di sana akan didapati susunan pelajaran yang bersesuaian dengan keadaan tanah air kita bahkan ada berupa pembangunan masyarakat dan tanah air".¹³⁸ Secara umumnya, idea untuk membina Kolej Islam ini telah mendapat sambutan yang hangat daripada masyarakat Islam. Jika ada bantahan atau cadangan hanya daripada segi pengisian serta pelaksanaannya sahaja. Perkembangan yang agak membanggakan ialah, masyarakat Islam India di benua kecil India juga bersedia untuk membantu bagi mewujudkan Kolej Islam Malaya. Hal ini telah dinyatakan oleh M. Muhammad Ismail Shahib,¹³⁹ ahli

ditemu bual oleh Sufyana, h. 40 op.cit., Juga disokong oleh Ustaz Hassan Salleh, Ustaz Hussein Unang yang ditemu bual oleh penulis op.cit.

¹³⁶ Kalendar, h.3 op.cit.

¹³⁷ Sufyana h. 40, op.cit.

¹³⁸ "Melayu Raya", 17 Oktober 1950, h.2 dalam, Lembaran Akhbar Melayu, op.cit. h. 171.

¹³⁹ M. Muhamad Ismail Shahib, merupakan ketua rombongan pelajaran Islam dari India Selatan, yang sedang meninjau pendidikan Islam di Tanah Melayu.

parlimen India yang sedang membuat lawatan di Ipoh Perak pada 14 Julai 1953.¹⁴⁰ Para ulamak Se-Malaya yang telah mengadakan mesyuarat di Bandar Maharani Muar Johor pada 21 - 22 Februari 1950, memberi sokongan penuh terhadap idea penubuhan Kolej Islam Malaya. Mesyuarat ini dianjurkan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang di pengerusikan oleh Tuan Haji Mohd Noah bin Omar. Resolusi daripada mesyuarat itu mencadangkan bahawa, "patut diadakan Kolej Islam Se-Malaya, dan bersetuju dengan cadangan Yang Mulia Syed Ibrahim Omar Al-Sagoff, wakil majlis Islam penasihat kerajaan Singapura".¹⁴¹ Pada April 1954, Parti Islam Se-Malaya juga telah menyokong penubuhan Kolej Islam Se-Malaya.¹⁴² Dalam ruangan Mimbar Orang Ramai, Utusan Melayu, 23 Jun 1953, seorang pembaca yang menamakan dirinya sebagai "Jiwa Islam" Alor Star Kedah, telah menyatakan sokongan, dan memberikan pandangannya tentang kebaikan Kolej Islam Malaya, iaitu dari segi pragmatiknya, "jika kita tinjau dengan teliti maka kepentingan Kolej Islam Malaya bukan sahaja memberi faedah kepada agama tetapi juga berguna bagi perjalanan siasah".¹⁴³ Pandangan serta 'suara-suara' Almarhum Profesor Zulkifli Muhammad (22 Mac 1927 - 6 Mei 1964) juga tidak boleh dikesampingkan tentang idea penubuhan Kolej Islam ini. Pandangan Prof. Zulkifli tentang penubuhan Kolej Islam adalah hampir sama dengan pandangan tokoh-tokoh yang lain, iaitu "Kolej Islam adalah asas kepada penubuhan universiti Islam".¹⁴⁴ Beliau akhirnya bukan sahaja sebagai pencetus idea, tetapi telah dilantik menjadi

¹⁴⁰ Utusan Melayu, 15 Julai 1953, Rabu, h.1, mikrofilem 665-1953 (Perpustakaan Universiti Malaya)

¹⁴¹ Ahmad Fawzi Basri, Mohd Idris Salleh, dan Shafei Saad, Bumi Dipijak Milik Orang, K.Lumpur:DBP, 1991, h. 458.

¹⁴² Utusan Melayu, 1 April 1954, h.6, op.cit.

¹⁴³ Utusan Melayu, 23 Jun 1953, h.4, ibid.

¹⁴⁴ "Panduan Koleksi Surat-Surat Persendirian", (Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia, 1988) h.198-199. Lihat juga, Zakiah Hanum, Inventori Surat Persendirian Zulkifli Muhammad, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1980, h.2-3.

Setiausaha Kerja KIM pada tahun 1954, bermula di Johor Bharu, dan kemudian berpindah ke Klang pada tahun 1955.¹⁴⁵

Bagi pihak kerajaan penjajah British, idea untuk menubuhkan Kolej Islam pada peringkat awalnya menimbulkan reaksi yang berlawanan pula. Kerajaan kolonial Inggeris berpendapat orang-orang Melayu tidak memerlukan sekolah agama peringkat tinggi kerana sudah memadai dengan sekolah-sekolah agama dan Arab yang sedia ada.¹⁴⁶ Penjajah Inggeris tahu sekiranya orang-orang Melayu memperoleh pendidikan agama di peringkat tinggi, akan menimbulkan masalah kepada mereka, sekurang-kurangnya golongan terpelajar Islam akan membuat kritikan-kritikan kepada kerajaan yang akhirnya membawa kepada perjuangan untuk menuntut kemerdekaan. Walau bagaimanapun, tentangan pihak penjajah Inggeris tidak dihiraukan oleh masyarakat Islam di Tanah Melayu. Raja-raja Melayu dengan hati yang terbuka menyokong idea yang murni ini bersama-sama dengan rakyat jelata. Dalam keadaan serba kepayahan maka pada tahun 1955 Kolej Islam Malaya berjaya ditubuhkan. Tuan Ismail Umar Abdul Aziz selaku pengetua pertama, dalam ucapan pembukaannya menerangkan bahawa dengan kehendak orang ramailah yang memberi perangsang memungkinkan tertegaknya Kolej Islam Malaya tersebut.¹⁴⁷ Di sini dapatlah disimpulkan bahawa idea untuk menubuhkan Kolej Islam Malaya telah mendapat sokongan serta dokongan yang padu daripada semua lapisan masyarakat Islam di Tanah Melayu.

¹⁴⁵ Ibid.

¹⁴⁶ Mahani bt Muhammad, "Satu Kajian Terhadap Rencana-Rencana Pengarang Akhbar Majlis Sepanjang Tahun 1951 – 1955", Tesis Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1980/81, h. 71.

¹⁴⁷ Mahani Muhammad, ibid., h.72.

2.5.1: Objektif Penubuhan Kolej Islam Malaya

Memandangkan tidak ada sebuah institusi pendidikan tinggi agama Islam di Tanah Melayu, sedangkan sekolah-sekolah agama / Arab bertaburan di pelosok negara, maka Kolej Islam Malaya dengan rasminya ditubuhkan pada tahun 1955 bersamaan 1374 Hijriah.¹⁴⁸ Bagi memenuhi kekosongan tersebut, pelajar-pelajar cemerlang dari sekolah-sekolah agama yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, terpaksa belseyar ke Timur Tengah, sama ada ke Saudi Arabia atau Mesir.¹⁴⁹ Keadaan ini menyusahkan para ibu bapa kerana pelajar terpaksa menghabiskan masa yang panjang dan melibatkan perbelanjaan yang tinggi¹⁵⁰ dan kadang-kadang terpaksa berhadapan dengan budaya yang baru.

Objektif utama penubuhan Kolej Islam Malaya adalah seperti berikut:¹⁵¹

Mengadakan kelas-kelas pendidikan Tinggi Islam di atas landasan moden.

Mewujudkan satu model pendidikan yang dapat menyatupadukan sekolah-sekolah agama dan Arab di seluruh negara di samping meninggikan taraf pendidikan Islam di sekolah-sekolah berkenaan melalui kurikulum yang seragam.

Menyediakan guru-guru yang berkebolehan dan mampu mengajar agama Islam dan bahasa Arab di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

¹⁴⁸ A. Rauf, Ikhtisar Sejarah Islam dan Hubungannya dengan Semenanjung Malaysia (Edisi Ke-2), Petaling Jaya Selangor: Fajar Bakti, 1987, h.129.

¹⁴⁹ Kenyataan ini disokong oleh Ustaz Hussein Unang, Ustaz Ibrahim Yassin, Ustaz Ghazali Abd. Hamid yang telah diwawancara oleh pengkaji.

¹⁵⁰ Engku Ibrahim bin Ismail (Dr.), "Kolej Islam Malaya: Sejarah dan Sumbangannya Dalam Pendidikan Islam di Nusantara", (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Ijtima' Kolej Islam Malaya, di Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, pada tahun 1993, h.15).

¹⁵¹ Kenyataan ini disokong oleh Ustaz Hussein Unang, Ustaz Ibrahim Yassin, Ustaz Ghazali Abd. Hamid yang telah diwawancara oleh pengkaji.

Memperbaiki taraf pegawai-pegawai agama yang bekerja dengan mana-mana pusat Islam seperti jawatan-jawatan kadi, pegawai tadbir agama dan lain-lain di jabatan agama dan mahkamah syariah.

Bertanggungjawab untuk melahirkan tokoh-tokoh, ulamak-ulamak dan kade-kader dakwah untuk menyebarkan ajaran ugama Islam yang sebenar kepada masyarakat serta membetulkan fahaman-fahaman yang salah yang boleh merosakkan masyarakat Islam.¹⁵²

Untuk membolehkan para pelajar Islam yang tamat dari pusat itu menyambungkan pelajaran mereka di pusat-pusat pengajian tinggi Islam di luar negeri dengan cara yang mudah dan dengan belanja serta masa yang sedikit.

Selain daripada objektif di atas, penubuhan Kolej Islam Malaya juga adalah untuk menjadi tapak bagi terbentuknya sebuah universiti Islam di negara ini.¹⁵³ Perkara ini tidak ditulis dalam tujuan penubuhan Kolej Islam Malaya bagi memudahkan kerja-kerja ke arah penubuhan Kolej Islam Malaya, yang sememangnya dicurigai oleh pihak Inggeris.¹⁵⁴

2.5.2: Perancangan Strategik Penubuhan Kolej Islam Malaya

Idea untuk membina sebuah Kolej Islam Malaya tidak mungkin menjadi satu realiti sekiranya tidak ada tindakan susulan yang istiqamah¹⁵⁵ dengan perancangan strategik yang bersesuaian. Perancangan awal yang dilaksanakan bagi memenuhi cita-cita

¹⁵² Cenderamata Ulang Tahun Kedua Puluh Kolej Islam, 1955 - 1975, h.12; Kazuo Enoki (Editor), Reseach Institutes and Researchers of Asian Studies in : Cambodia, Laos, Malaysia, Singapore, and the Republic of Vietnam, Directories No. 8, The Center for Asian Cultural Studies, 1970, h.69.

¹⁵³ Maklumat daripada Ustaz Hassan Salleh, Ustaz Ibrahim Yassin, Ustaz Hussein Unang yang telah diwawancara oleh pengkaji.

¹⁵⁴ Ustaz Ishak Abbas, wawancara 22-8-1999.

ialah dengan mengadakan satu mesyuarat bagi membentuk jawatankuasa penggerak. Pada 9 Januari 1949, satu pertemuan antara tokoh-tokoh agama dari Singapura dan Johor telah diadakan. Pertemuan ini dikenali juga sebagai Kongres Ulama-Ulama Asia Tenggara.¹⁵⁶ Antara tokoh-tokoh agama yang hadir termasuklah:

Almarhum Maulana Abdul 'Alim Al-Siddiqi - Penaung Persekutuan Seruan Islam Se- Malaya, Singapura

Tuan Syed Ibrahim Omar Al-Saggoff - Yang Dipertua Persekutuan Seruan Islam Se- Malaya, Singapura

Encik Ahmad bin Ibrahim - Yang Dipertua Pemuda Islam Singapura

Tuan Wanjur bin Abu Bakar - Setiausaha Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya Singapura

Tokoh-tokoh Islam dari Johor terdiri daripada;

Dato' Awang bin Omar - Yang Dipertua jabatan Agama Islam Johor

Dato' Abdullah bin Isa - Bekas Pegawai Daerah Segamat, Johor

Tuan Haji Muhammad Amin bin Imran - Setiausaha Jabatan Agama Islam Johor

Tuan Haji Abdul Jalil bin Hassan - Penolong Mufti Johor¹⁵⁷

Mesyuarat yang diadakan ini bertujuan membincangkan kedudukan pelajaran agama Islam dan keadaan orang-orang Islam pada masa hadapan. Majlis tersebut sebulat suara bersetuju melantik Tuan Haji Abdul Jalil Hassan dan Tuan Haji Muhammad Amin Imran

¹⁵⁵ Ibid.

¹⁵⁶ Wawancara dengan Tan Sri Prof. Abdul Jalil Hassan, dalam Sufyana, h.44

¹⁵⁷ Ibid.

untuk menggubal dan menyiapkan kertas kerja bagi mendirikan sebuah "Kolej Islam Malaya".

Susulan daripada pertemuan dan mesyuarat pertama, maka pada 20 Mac 1949, satu lagi mesyuarat telah diadakan di Singapura. Sebuah Jawatankuasa Penaja Kolej Islam Malaya telah dibentuk bagi meneruskan kerja-kerja ke arah penubuhan Kolej tersebut .Ahli-ahli jawatankuasa penaja berkenaan terdiri daripada;¹⁵⁸

1. Tuan Syed Ibrahim Omar Al-Sagoff	- Pengurus	(Singapura)
2. Encik Bakar Mohamed bin Osman	- Setiausaha	(Singapura)
3. Encik Ahmad bin Ibrahim	-Ahli Jawatankuasa	(Singapura)
4.Y.B. Encik Saadun bin Hj. Jubir	-Ahli Jawatankuasa	(Singapura)
5.Dr. Hafizuddin Sirajuddin Moonshi	-Ahli Jawatankuasa	(Singapura)
6. Kiyai Mohamed Fathollah Suhaimi	-Ahli Jawatankuasa	(Singapura)
7. Syed Abu Bakar bin Taha Al-Sagoff	-Ahli Jawatankuasa	(Singapura)
8. Tuan Haji Adam N. Mohamed Ibrahim	- Ahli Jawatankuasa	(Singapura)
9. Tuan S. Maricachi Maricar	- Ahli Jawatankuasa	(Singapura)
10.Tuan M. Karim Gani	-Ahli Jawatankuasa	(Singapura)
11. Tuan N.M Mohamed Abdullah	-Ahli Jawatankuasa	(Singapura)
12. Tuan Wanjur bin Abu Bakar	- Ahli Jawatankuasa	(Singapura)
13. Tuan Haji Ahmad Noah bin Omar	-Ahli Jawatankuasa	(Johor)
14. Tuan Hj Ahmad Amin bin Imran	-Ahli Jawatankuasa	(Johor)
15. Tuan Haji Abdul Jalil bin Hassan	-Ahli Jawatankuasa	(Johor)

¹⁵⁸ Report of The Muslim College Committee, dalam fail SUK Selangor No. 552/1953, Arkib Negara, h.1.

Jawatankuasa penaja telah mengadakan beberapa siri mesyuarat di Singapura dan Johor untuk memurnikan kertas kerja Kolej Islam Malaya. Akhirnya pada 19 September 1949, Penyata Komiti Kolej Islam (*Report of The Muslim College Committee*) telah disiapkan.¹⁵⁹

Dengan adanya kertas cadangan (Penyata Komiti), jawatankuasa penaja dapat bergerak dengan lebih yakin. Bayangan kejayaan mewujudkan sebuah Kolej Islam menjadi semakin jelas. Perjalanan penubuhan Kolej Islam Malaya masih jauh dan perancangan strategik seterusnya perlu direncanakan. Lantaran kedudukan hal ehwal agama Islam masih di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Persekutuan Tanah Melayu¹⁶⁰ peranan raja-raja Melayu tidak boleh dikesampingkan. Usaha-usaha untuk membawa perkara ini ke pengetahuan raja-raja Melayu perlu diatur dan dirancang dengan sebaik mungkin agar hasrat murni Jawatankuasa Penaja Kolej Islam Malaya dapat dilaksanakan dengan sesempurna mungkin.

2.5.3: Rombongan Mengadap Raja-Raja Persekutuan Tanah Melayu

Jawatankuasa Penaja Kolej Islam Malaya telah mengambil jalan yang tepat dengan membentuk satu rombongan untuk mengadap Raja-raja dalam Persekutuan Tanah

¹⁵⁹ *Ibid.*

¹⁶⁰ Inggeris telah mengekalkan peranan Raja-raja Melayu sebagai penaung agama Islam dan adat istiadat Melayu. Dalam Perjanjian Pangkor 1874 dijelaskan Residen British tiada wibawa dalam soal-soal agama dan adat istiadat Melayu: "Fasal keenam: Arakian maka adalah Yang di Pertua Perak yang di bawah perintah British Gobermen gelarannya Tuan Residen negeri Perak menjadi orang kerjaan Governmen. Akan yang di Pertua itu mahulah menempah dengannya dahulu daripada pasal sekalian perkara dan pekerjaan negeri Perak itu melainkan tiada boleh ia masuk daripada fasal agama Islam dan Adat Melayu itu adanya", lihat, Esmail bin Haji Mohd Salleh, Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di negeri Perak Sebelum dan Selepas 1949, dlm., *Islam di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, Tahun(?)), h.119.

Melayu. Ahli-ahli rombongan yang dibentuk terdiri daripada individu yang sememangnya telah dikenali oleh sebahagian besar raja-raja Melayu. Anggota rombongan tersebut terdiri daripada,¹⁶¹

Tuan Syed Ibrahim bin Omar al-Sagoff

Tuan Fathullah Suhaimi

Tuan Adam bin Ibrahim

Tuan Abdul Jalil bin Hassan.

Rombongan ini telah mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang sebagai wakil Raja-Raja Melayu pada 1 Disember 1949, jam 7 malam, untuk menyembahkan laporan penubuhan Kolej Islam Se-Malaya¹⁶² di istana baginda di Kuala Lumpur. Tuan Syed Ibrahim Omar Al-Sagoff selaku ketua rombongan telah mempersembahkan surat yang bertulis dengan perada emas bersama-sama dengan ringkasan penyata Kolej Islam Malaya.¹⁶³ Antara kata-kata yang diucapkan oleh ketua rombongan tersebut ialah:

Inilah patik sembahkan surat dan penyata berkenaan dengan cadangan Kolej Islam Se-Malaya yang telah diusahakan dengan bersungguh-sungguh oleh Jawatankuasa Penaja sebagaimana yang patik katakan dahulu. Dengan ini tamatlah langkah pertama bagi Jawatankuasa Penaja dan terserahlah kepada perhatian dan timbangannya Yang Maha Mulia Sultan Negeri-Negeri Melayu akan bagaimana cara bagi menyambung langkah yang kedua yang agak cita-cita itu tercipta kelak menjadi hakikat wujudnya.¹⁶⁴

¹⁶¹ Kalendar, h.4, op cit.

¹⁶² Sejarah Penubuhan Kolej Islam Malaya, dalam Fail Kolej Islam (yang disimpan oleh Tuan Pengetua Kolej Islam Sultan Alam Shah), h.3.

¹⁶³ Kalendar 1965/66, op.cit., h.5.

Baginda Sultan Pahang telah menyambut kedatangan rombongan tersebut dengan gembira. Kegembiraan baginda dapat diperhatikan melalui titah balas baginda kepada rombongan tersebut. Antara kandungan titah ucapan Baginda Sultan Pahang adalah seperti berikut:

Bagi pihak Raja-Raja Melayu yang lain dukacita tidak dapat berjumpa dengan tuan-tuan oleh sebab suntuk masa masing-masing balik baginda-baginda itu berwakil kepada saya menerima menerima kedatangan tuan-tuan dan mendengar apa rayuan tuan-tuan. Usaha Jawatankuasa Penaja Kolej Islam adalah diperhargakan tinggi. Adapun sebab belum dibahaskan perkara menubuhkan sebuah Kolej Islam Se-Malaya di majlis perjumpaan Raja-Raja Melayu ialah kerana menunggu penyata ini yang mana akan dapat diketahui dan dipertimbangkan tiap-tiap perkara berkenaan dengannya. Apakala penyata ini telah sampai kepada saya, insya-Allah dengan seberapa segera akan saya bawa ke dalam majlis perjumpaan raja-raja. Saya berpendapat berkenaan dengan Kolej Islam Se Malaya ini akan disambut dengan gembira dan sokongan yang kuat.¹⁶⁵

Bagi menunjukkan kesungguhan dan betapa tingginya hasrat untuk menubuhkan Kolej Islam Malaya, maka pada hari keesokannya, 2 Disember 1949 pada jam 9.30 pagi, rombongan Jawatankuasa Penaja Kolej Islam Se-Malaya telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, di istana Selangor Kuala Lumpur.¹⁶⁶ Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Selangor Encik Pateh Akhir telah memperkenalkan setiap orang ahli rombongan tersebut. Baginda Sultan

¹⁶⁴ Raja-Raja Melayu Berwakil Kepada Sultan Pahang Berkenaan Kolej Islam, Ringkasan Penyata Kolej Islam Se-Malaya Disampaikan, Akhbar Majlis, 4 Disember 1949, Mikrofilem M337/72, Arkib Negara.

¹⁶⁵ ibid. Dalam pertemuan ini juga ahli rombongan diberi peluang menyampaikan pandangan masing-masing. Tuan Haji Abdul Jalil Hassan telah memberikan pandangannya tentang peri mustahaknya Kolej Islam malaya. Tanggungjawab mendirikan Kolej Islam ini adalah tertanggung ke atas umat Islam di Malaya daripada peringkat rakyat sehingga peringkat raja-raja. Dengan adanya pelajaran agama akan merapatkan lagi hubungan silaturahim umat Islam.

Dalam pertemuan itu juga, Encik Pateh Akhir, Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Selangor turut hadir. Beliau memberi sokongan yang padu terhadap cadangan penubuhan Kolej Islam Se Malaya.

¹⁶⁶ Kalender 1965/66, op.cit., h.5.

Selangor bertitah, " Saya sangat sukacita berjumpa tuan-tuan sekalipun agaknya tuan-tuan telah terangkan dengan panjang maksud tuan-tuan kepada Sultan Pahang semalam setelah kami pihak raja-raja berwakil kepadanya menerima kedatangan dan persembahan tuan-tuan, tetapi molek kita bercakap lagi menambah pengetahuan kita".¹⁶⁷ Pihak rombongan menegaskan kepada Sultan Selangor tentang tujuan kedatangan mereka, dengan mengatakan, "Sebenarnya patik-patik puas hati dengan perjumpaan patik-patik semalam dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang sebagai sifat baginda Raja Pahang dan wakil raja-raja Melayu yang lain. Tetapi kerana patik sekalian telah berada di ibu kota "Federation" ini dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang empunya negeri ini ada bersemayam di sini maka adalah sangat kurang budi bahasa patik sekalian jika tidak mengadap Tuanku. Oleh sebab itu patik bermohon lagi mengadap tuanku pada pagi ini".¹⁶⁸ Baginda Sultan Selangor telah memberi sokongan yang padu terhadap cita-cita untuk menujuhkan Kolej Islam Malaya ini. Baginda telah bertitah:

Perkara Kolej Islam Se-Malaya ini memang ada dalam cita-cita kita semenjak dahulu lagi, tetapi belum dapat dijalankan kerana memandang kepada perkara-perkara yang lebih jauh. Pada fikiran saya, hari ini sudah sampai masanya dan saya percaya jika dipikul beramai-ramai dengan sepakat daripada peringkat raja-raja dan rakyat perkara ini dengan mudah berhasil, tetapi jika dipikulkan kepada seseorang atau kepada raja-raja sahaja tidak ada banyak harapan, tambahan pula masa ini didalam keadaan darurat. Saya berharap perkara ini mudah-mudahan berjaya.¹⁶⁹

¹⁶⁷ "Rombongan Khas Penaja Kolej Islam Se- Malaya Mengadap Sultan Selangor", akhbar Majlis, 4 Disember 1949, op.cit.

¹⁶⁸ Ibid.

¹⁶⁹ Ibid.

Hasrat Sultan Selangor untuk menubuhkan sebuah institusi pendidikan tinggi Islam di negeri Selangor telah timbul sebelum cadangan penubuhan Kolej Islam Se-Malaya lagi. Justeru cadangan untuk menubuhkan Kolej Islam Malaya diperjuangkan oleh para intelektual Islam telah mendapat perhatian yang serius oleh baginda Sultan Selangor.¹⁷⁰

Perancangan untuk mengadap raja-raja Melayu bagi memohon sokongan terhadap penubuhan Kolej Islam Se-Malaya telah mendapat kejayaan. Pengaturan strategi seterusnya ialah melalui sokongan parti politik orang-orang Melayu. Pada 21-22 Februari 1950, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah mengadakan muktamar¹⁷¹ ulamak seluruh Malaya di Bandar Maharani Muar Johor. Ahli-ahli muktamar sebulat suara menyokong usaha-usaha untuk menubuhkan Kolej Islam Se Malaya. Usul untuk menubuhkan Kolej Islam Se-Malaya telah dibawa oleh Syed Ibrahim bin Omar Al-Sagoff.¹⁷² Resolusi muktamar tersebut akan dihantar kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu dan juga pihak-pihak yang berkenaan.¹⁷³

2.5.4: Halangan Awal Dalam Perjalanan Penubuhan Kolej Islam Malaya

Sudah menjadi suatu kelaziman, pelaksanaan sesuatu yang baik dan murni semestinya berhadapan dengan kepayahan serta halangan. Setelah Jawatankuasa Penaja berjaya menyempurnakan strategi awalnya, semangat untuk terus merealisasikan cita-cita

¹⁷⁰ Wawancara dengan Yang Mulia Tengku Abdul Samad Shah al-Haj ibni Almarhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah, (Kerabat Diraja Selangor) pada 26 Ogos 1999.

¹⁷¹ Pertemuan atau persidangan.

¹⁷² Ahmad Fawzi Basri, et.al. op.cit., h. 458.

murni tersebut terus membawa. Raja-raja Melayu telah bersetuju, parti politik Melayu juga memberi sokongan dan rakyat jelata yang dahagakan ilmu pengetahuan lebih-lebih lagi memberi dokongan yang tidak berbelah bagi.¹⁷⁴ Berhadapan dengan realiti semasa, usaha-usaha ini telah menghadapi masalah apabila Perlembagaan Kolej Islam yang dikemukakan kepada pihak kerajaan Inggeris telah ditahan di Pejabat Peguam Agung Kuala Lumpur.¹⁷⁵

Pihak kerajaan penjajah British mengambil tindakan 'memendamkan' saja Perlembagaan Kolej Islam Malaya kerana dalam perlembagaan tersebut mencadangkan agar Kolej Islam Malaya dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, seperti Universiti Malaya.¹⁷⁶

Suasana yang agak senyap ini telah menjadi tanda tanya bagi individu yang terlalu ingin melihat sebuah institusi pendidikan tinggi Islam. Dalam akhbar Majlis 12 Jun 1952¹⁷⁷ seorang pembaca yang menggelarkan dirinya 'Aha' telah memberikan pandangan perlunya masyarakat Islam memberikan kerjasama dalam semua aspek, terutamanya dalam bantuan kewangan. Seterusnya, pembaca tersebut menjelaskan, "perlulah tiap-tiap umat Islam di Malaya memahamkan dengan sehalus-halus bahawa dengan terdirinya Kolej Islam di Malaya adalah merasai bangga kerana wujudnya dengan diusahakan oleh umat Islam, yang akan mengeluarkan golongan cerdik pandai untuk digunakan membina kemajuan Malaya". Seterusnya dalam bulan September 1952, rencana pengarang akhbar

¹⁷³ Kalender 1965/66, op.cit. h.5.

¹⁷⁴ Wawancara dengan Ustaz Hassan Salleh.

¹⁷⁵ Kalender 1965/66, op.cit., h.6.

¹⁷⁶ Ibid.

¹⁷⁷ "Terdirkah Kolej Islam di Malaya?", akhbar Majlis, 12.6.1952, Tahun 21, bil.10, h.10 (mikrofilem Arkib Negara).

Majlis menimbulkan persoalan dengan tajuk, 'Apa jadi Kolej Islam?'.¹⁷⁸ Pengarang akhbar tersebut berpendapat masalah penerangan dan sebaran maklumat kepada masyarakat agak terhad dan perlu dibaiki. Seterusnya akhbar tersebut dengan optimis menjelaskan sekiranya umat Islam di Tanah Melyu bersatu dengan erat dan padu, Kolej Islam Malaya boleh ditubuhkan dengan senang. Sikap optimis ini boleh dilihat melalui kata-kata, "tiga juta jiwa umat Islam yang berada di Malaya ini jikalau mereka telah tertarik hati adalah dipercayai bukannya sahaja sebuah Kolej tetapi dua dan tiga harus dapat didirikan". Pengarang akhbar berkenaan membuat kesimpulan, kegagalan membina Kolej Islam di Malaya merupakan 'paluan' hebat ke atas muka-muka umat Islam terutamanya pihak anggota penaja.

Tuan Syed Ibrahim Al-Sagoff selaku pengurus Jawatankuasa Penaja Kolej Islam Malaya telah berusaha dengan penuh kegigihan untuk mendapatkan sokongan masyarakat Islam bagi menjayakan rancangan besar ini. Ini dapat dibuktikan dengan kesungguhan beliau menghantar surat kepada Majlis Fatwa Universiti Al-Azhar,¹⁷⁹ bertanyakan pandangan dan hukum Islam tentang penubuhan institusi pendidikan tinggi Islam di Malaya serta adakah berdosa sekiranya institusi berkenaan gagal didirikan lantaran tiada sokongan menyeluruh daripada masyarakat Islam. Majlis fatwa Universiti Al-Azhar yang dipengerusikan oleh Mohamed Abdul Futtah Al-Enany telah menjawab pertanyaan tersebut pada 23 September 1952. Pihak Majlis Fatwa Universiti Al-Azhar menegaskan bahawa menukuhan institusi pendidikan Islam adalah fardu ain¹⁸⁰ dan kos pembinaannya adalah tanggungjawab setiap umat Islam. Kegagalan mendirikan institusi

¹⁷⁸ Akhbar Majlis, Khamis 18.9.1952, Bil.14, Tahun 21, h.3 (Mikrofilem Arkib Negara).

¹⁷⁹ Soalan dan jawapan pertanyaan tersebut telah dicetak dan diedarkan kepada pihak-pihak tertentu dan juga kepada orang ramai melalui akhbar-akhbar. Sila lihat SUK Selangor , Sel. Sec. 552/53 ANM.

¹⁸⁰ Menjadi tanggungjawab setiap diri orang Islam.

tersebut tanpa usaha yang sungguh-sungguh mengakibatkan seluruh umat Islam di negeri ini berdosa.

Lantaran pertanyaan yang bertalu-talu daripada masyarakat Islam di Tanah Melayu dan Singapura, pihak Jawatankuasa Penaja Kolej Islam Malaya telah memberikan laporan perkembangan usaha-usaha membina Kolej tersebut. Laporan tersebut telah disiarkan dalam radio dan akhbar Majlis.¹⁸¹

Bagi mengatasi masalah yang wujud satu pertemuan khas untuk membincang masalah ini telah diadakan pada 10 Disember 1952, pada jam 8.30 malam di Singapura. Antara orang-orang yang hadir dalam pertemuan ini ialah;

Dato' Syed Ibrahim Bin Omar Al-Sagoff

Yang Amat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra

Tuan Haji Mohd Noah bin Omar

Encik Ahmad bin Ibrahim

Tuan Syed Nasir bin Ismail

Yang Berhormat Encik Saadon bin Haji Jubir

Tuan Haji Mohamad Amin bin Imran

Tuan Abdul Jalil bin Hassan

Tuan Mohd Fadhullah Suhaimi

Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz

Tuan Syed Jaafar bin Hassan Albar

¹⁸¹ Sampai ke Mana Kejayaan Yang Telah Dicapai Penaja Kolej Islam Malaya, akhbar Majlis, Selasa, 9 Jun 1953, Tahun 21, Bil. 27, h.3.

Wakil Jawatankuasa Penaja Tuan Haji Abdul Jalil Hassan, menjelaskan usaha-usaha memungut derma di seluruh negara telah dilancarkan. Jawatankuasa Memungut Derma telah dibentuk di negeri-negeri Johor, Singapura, Selangor, Pulau Pinang dan Seberang Prai. Orang ramai juga boleh menyalurkan derma-derma mereka melalui akhbar Utusan Melayu dan Melayu Raya Singapura.

Dalam pertemuan tersebut, Tunku Abdul Rahman Putra telah menerangkan kepada majlis bahawa harapan Jawatankuasa Penaja untuk menubuhkan Kolej Islam Malaya dengan anjuran kerajaan tidak mungkin menjadi kenyataan.¹⁸² Menurut Tan Sri Abdul Jalil Hassan¹⁸³ Inggeris enggan memberi kerjasama terhadap penubuhan KIM dengan alasan tidak mahu campur tangan dalam adat istiadat serta agama Islam orang-orang Melayu. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan memberi keizinan penubuhan KIM dengan usaha dan perbelanjaan sendiri tanpa bantuan daripada kerajaan.

Jadi bagi mengatasi masalah yang wujud Tunku Abdul Rahman Putra telah membuat cadangan agar Kolej Islam Malaya ditubuhkan dengan kerjasama orang ramai sebagaimana sekolah-sekolah yang dibina oleh golongan 'missionary'¹⁸⁴ di negeri-negeri Melayu. Cadangan berasas Tunku Abdul Rahman Putra telah diterima dengan sebulat suara oleh ahli majlis. Ekoran daripada idea berasas Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, pihak Jawatankuasa Penaja telah merancang strategi baru (Pelan B), iaitu dengan mengadakan satu lagi mesyuarat pada sebelah malam 10 Disember 1952, jam 9.30 malam di tempat yang sama. Setelah berbahas dan membuat perhitungan terperinci mesyuarat telah bersetuju mengenai tiga perkara asas, iaitu;¹⁸⁵

1. untuk mendirikan Kolej Islam Malaya secara bersendiri dengan kerjasama serta derma daripada orang ramai;

meminda Perlembagaan Kolej Islam Malaya yang telah disiapkan;

¹⁸² Kalendar Kolej Islam Malaya, ibid, h. 6 . Lihat juga, Fail Kolej Islam Malaya, dan Sufyana, h.53.

¹⁸³ Wawancara yang dibuat oleh Sufyana h.52-53.

¹⁸⁴ Sekolah-sekolah 'missionary' dikendalikan oleh padri-padri Kristian. Sumber kewangannya diperoleh daripada orang ramai, persatuan serta pertubuhan Kristian Antarabangsa. Penganut Kristian yang komited diwajibkan memberikan sumbangan 1/10 daripada pendapatan mereka. Mereka juga memperoleh sumbangan daripada perusahaan multinasional di Barat, para pemimpin Eropah, dan gologan hartawan. Lihat dalam, Ibra Yakin, Pertentangan Islam dan Kristian, (Klang, Selangor: Jasmin Enterprise, Klang, 1992) h.207, Dr. Ibrahim Khalil Ahmad, Siasat Misi Kristian dan Orientalis, Gema Insani Press, Jakarta, 1986, h.101.

membentuk dua buah jawatankuasa baru dalam usaha memungut di seluruh negara, iaitu;

- a. Jawatankuasa Tadbir
- b. Jawatankuasa Agung Pungutan Derma

Kedua-dua jawatankuasa tersebut dianggotai oleh;

1. Dato' Syed Ibrahim bin Omar Al-Sagoff - Pengurus
2. Tuan Haji Mohamad Amin bin Imran - Setiausaha
3. Encik Pateh Akhir bin Mat Shah - Bendahari
4. Tuan Syed Jaafar bin Hassan Albar - Pegawai Penerangan

2.5.5: Tabung Kolej Islam Malaya : Gerakan Kutipan Derma

Tindakan drastik bagi mendapatkan sumber kewangan perlu dirancang dan digerakkan. Berjaya atau gagalnya penubuhan Kolej Islam Malaya bergantung kepada dana yang ada. Perkara ini telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Tadbir dan Jawatankuasa Agung Pungutan Derma, dan langkah pertama yang akan dibuat ialah dengan mengadakan rombongan khas mengadap Raja-Raja Melayu bagi mempersempahkan peranan jawatankuasa berkenaan dan juga untuk merayu derma atau bantuan daripada baginda sekalian.¹⁸⁵ Dalam hal ini, Dato' Syed Ibrahim bin Omar Al-Sagoff, sebagai pemimpin yang mengamalkan 'Kepemimpinan Melalui Teladan' telah berikrar dan berjanji untuk menambah dermania kepada KIM daripada \$12,000.00

¹⁸⁵ Kalendar KIM, op.cit., h.6-7, Sufyana, h. 54-55.

¹⁸⁶ Fail Kolej Islam Malaya, op.cit., h.4.

kepada \$50,000.00 dengan syarat apabila derma Kolej Islam mencapai sebanyak \$300,000.00. Satu rombongan telah dibentuk untuk melawat negeri-negeri Terengganu, Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, dan Perlis untuk menerangkan penubuhan Kolej Islam Malaya serta mengutip derma daripada orang ramai.¹⁸⁷ Pada 26 Mei 1953, Jawatankuasa Penaja Kolej Islam Malaya telah menghantar sepucuk surat rasmi kepada Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Selangor, memohon beberapa 'kemudahan', "bagi menerima lawatan rombongan... dan rombongan ini berasa amat sukacita kiranya tuan akan dapat mengadakan suatu perjumpaan am orang-orang Islam di tempat tuan pada hari yang akan ditentukan". Lawatan rombongan ini ke Selangor ialah untuk sesi penerangan serta pertemuan dengan masyarakat Islam negeri Selangor dan seterusnya untuk menggiatkan jawatankuasa pungutan derma yang telah ditubuhkan, tetapi belum bergerak cergas.¹⁸⁸

Dengan berkat usaha dan jawatankuasa kerja yang dibentuk, maka sumbangan-sumbangan daripada masyarakat mulai diterima dan dikumpulkan sebagai dana penubuhan Kolej tersebut. Berkemungkinan dengan maklumat dan penerangan yang disebarluaskan ke seluruh pelosok negara, ada di kalangan penduduk bukan Muslim turut memberikan derma mereka kepada Kolej Islam Malaya. Antaranya ialah Dato' Lee Kong Chian telah menderma sebanyak \$20,000.00 wang tunai serta 3000 syer kilang padi yang berharga \$30,000.00.¹⁸⁹ Selain daripada itu, seorang jutawan Singapura yang dikenali sebagai "Taukeh Cap Harimau" telah menderma sebanyak \$10,000. Teladan yang

¹⁸⁷ Majlis, 11 Oktober 1953, dipetik oleh Sufyana, h.35.

¹⁸⁸ Surat Bil. 4 dlm. KIM 37/53, 26 Mei 1953, ini dihantar oleh Setiausaha Yang Kehormat Jawatankuasa Penaja Kolej Islam Malaya, Tuan Haji Muhammad Amin bin Imran, salinan kepada Setiausaha Kerajaan Selangor. Surat ini boleh didapati dalam SUK Selangor, Sel. Sec552/1953, Arkib Negara. Di negeri Selangor telah diadakan perakuan mengutip derma dengan mengedarkan resit-resit bernilai 10 sen hingga \$100 dalam bulan Mei 1951 lagi. Resit-resit ini telah diedarkan di 166 buah masjid di seluruh negeri Selangor selama 4 Jumaat berterusan. Jangkaan dibuat bahawa dalam masa tiga tahun kutipan derma akan mencapai \$20,000. Lihat "Derma Kerana Kolej Islam Malaya" akhbar Majlis, 4 April 1951, h 4, petikan oleh Sufyana, op.cit. h.56.

ditunjukkan ini telah menggalakkan penduduk bukan Islam berbuat demikian.¹⁹⁰ Walau bagaimanapun, kutipan yang terkumpul belum dapat digunakan untuk mendirikan sebuah Kolej Islam. Oleh yang demikian, Jawatakuasa Pengelola telah memutuskan untuk menggunakan strategi terbaik untuk mengatasi masalah ini. Kaedah yang dianggap terbaik itu ialah dengan mendapatkan tapak yang sesuai terlebih dahulu untuk mendirikan institusi berkenaan.¹⁹¹ Pada peringkat awalnya, Kolej Islam Malaya dirancang untuk didirikan di Skudai, Johor,¹⁹² tetapi menghadapi permasalahan untuk mendapatkan tapak yang sesuai. Pada Februari 1953, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Tuanku Hisamuddin Alam Shah¹⁹³ memperkenan dan berjanji untuk mewakafkan¹⁹⁴ istana Selangor di Kampung Jawa Kelang, iaitu istana Jame'iah,¹⁹⁵ untuk dijadikan bangunan Kolej Islam Se-Malaya, dengan syarat Kolej Islam itu ditubuhkan di Kelang.¹⁹⁶ Janji tersebut telah disempurnakan sepenuhnya pada 2 Mac 1953. Sebelum mendapat tempat di Kelang, pejabat sementara untuk urusan surat menyurat ialah di nombor 15, Stulang Darat, Johor Bharu.¹⁹⁷

¹⁸⁹ Sufyana, *op cit*, h.57.

¹⁹⁰ *Ibid.*

¹⁹¹ Engku Ibrahim Ismail, *op.cit.*, h.16.

¹⁹² Dinyatakan juga oleh Allahyarham Tan Sri Prof. Abdul Jalil Hassan, dalam Sufyana, *op.cit.*, h.34.

¹⁹³ Sultan Hisamuddin Alam Shah ialah Sultan Selangor yang ke-6, (Lahir 13 Mei 1938 - Mangkat pada 1 Sept.1960). Semasa pendudukan Jepun tahun 1942 - 1945, Tengku Musaeddin telah menjadi Raja yang memerintah dengan gelaran Sultan Musa Ghiathuddin Ri'ayah Shah. Lihat, Cenderamata Keputeraan DYMM Sultan Selangor Ke-53, 8 Mac 1979. Beliau dilantik menjadi DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung Kedua pada 14 April 1960 sehingga 1 Sept. 1960 (Mangkat) dlm. Ibrahim Ismail, Menuju Kelahiran Malaysia, EdusystemSdn. Bhd. K.Lumpur, 1992, h.41.

¹⁹⁴ Amalan 'wakaf' ini telah pun diamalkan oleh para ulama terdahulu. Ada antaranya yang mewakafkan harta dan kekayaan untuk pendidikan seperti membina surau atau sekolah, kitab-kitab, pakaian dan sebagainya.

¹⁹⁵ Nama Istana Jam'eah, bersempena dengan nama Tengku Ampuan Selangor Yang ke-V, Almarhumah Tengku Ampuan Jema'ah. Wawancara dengan YM Tengku Abd. Samad. Lihat gambar lampiran A1

¹⁹⁶ Ishak Abas, *op.cit.*, h.84. Maklumat ini juga diperoleh daripada Yang Mulia Tengku Abdul Samad Shah al-Haj, yang telah diwawancara oleh pengkaji.

¹⁹⁷ Lihat surat yang dihantar oleh Hj Mohd. Amin Bin Amran Setiausaha Kehormat Jawatankuasa Penaja KIM, kepada Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Selangor, dlm Sel. Sec.552/53.

Lihat juga 'kepala surat' yang dihantar kepada SUK Selangor pada 6 Februari 1953, *ibid.*

Setelah tempat dan tapak Kolej Islam Malaya telah wujud, sumbangan derma daripada orang ramai mencurah-curah. Mengikut Ustaz Ishak Abas gerakan mengutip derma terus berjalan rancak di masjid-masjid pada hari-hari Jumaat dan juga di tempat perhimpunan awam.¹⁹⁸ Staf dan kakitangan Kolej Islam Malaya juga terlibat secara langsung dalam gerakan mengutip derma ini. Antara staf Kolej Islam Malaya yang aktif ialah Almarhum Profesor Zulkifli Mohamad yang menjadi setiausaha Kolej Islam Malaya dan sekaligus sebagai pensyarah. Menurut Ustaz Ghazali Abd. Hamid,¹⁹⁹ Profesor Zulkifli 'menjelajah' hampir kesemua negeri di Tanah Melayu dan Singapura dengan menggunakan van untuk mengutip derma Kolej Islam Malaya. Di Singapura, pada 22 Mac 1953, sebuah jawatankuasa derma Kolej Islam Malaya telah dibentuk bertempat di Lorong 12, Jalan Geylang, Singapura. Jawatakuasa berkenaan dipengerusikan oleh Dato' Syed Ibrahim Omar Al-Sagoff, dan 21 orang anggota Majlis Penasihat Islam Singapura telah dilantik menjadi ahli jawatankuasa derma. Manakala 17 orang jawatankuasa luar yang terdiri daripada, 4 orang Melayu, 4 orang Arab, 4 orang Pakistan, 4 orang India Muslim, dan 1 orang Cina Muslim telah dibentuk.²⁰⁰ Gabungan kaum yang jitu ini telah memungkinkan pungutan derma yang diperoleh dari Singapura melebihi pungutan di Semenanjung Tanah Melayu. Sebagai contohnya penjelasan yang diberikan oleh Dato' Ibrahim Omar Al-Sagoff, seramai 150 orang Islam Singapura telah menyumbang hampir \$40,000.²⁰¹ Di Bagan Datok, Perak, pada 8 April 1953, Persatuan Murid-Murid Darul Ulum bersetuju melantik sebuah jawatankuasa untuk menyokong gerakan penubuhan

¹⁹⁸ Ustaz Ishak Abas sendiri menjalankan kutipan derma hari Jumaat di Masjid Al-Muhammadi, Kota Bharu Kelantan. Lihat Ishak Abas, *op.cit.* h.84. Maklumat ini juga diperoleh melalui wawancara yang telah diadakan.

¹⁹⁹ Pengkaji telah mewawancara Ustaz Ghazali Abd. Hamid pada 21 September 1999, jam 11.00 pagi, di rumahnya, Jalan Sg. Jati, Klang, Selangor.

²⁰⁰ Utusan Melayu, 23 Mac 1953, h.4 (Mikrofilem No. 665/1953, Perpustakaan Universiti Malaya).

Kolej Islam Malaya, di Klang. Jawatkuasa itu juga akan memberi penerangan kepada orang ramai seterusnya menggalakkan masyarakat setempat menghulurkan sumbangan derma.²⁰²

Bagi menggalakkan semangat berderma di kalangan masyarakat di Tanah Melayu, Pengerusi Jawatankuasa Penaja, Tuan Syed Ibrahim bin Omar Al-Sagoff telah menghantar surat kepada Menteri Besar Selangor, Raja Sir Uda bin Raja Muhammad, pada 18 November 1954, menyatakan kekesalannya kerana sehingga tarikh tersebut derma orang ramai tidak sampai \$300,000. Menurut beliau semangat menghulurkan derma lebih ketara di kalangan masyarakat Cina yang telah menyumbang lebih 10 juta ringgit dalam jangka masa sebulan sahaja untuk mendirikan Universiti Nanyang²⁰³. Kemampuan masyarakat Cina Singapura mencari dana untuk membina universiti ini telah dipuji oleh H.E Wilson yang membuat kajian tentang pendidikan di Singapura. Beliau menjelaskan:

"The Chinese community characteristically decided to meet its needs on its own initiative and out of its own resources".²⁰⁴

Penyumbang kewangan utama untuk menubuhkan Universiti Nanyang ialah Tan Lark Sye.²⁰⁵

Kolej Islam Malaya juga telah mengeluarkan resit-resit derma untuk masyarakat Islam pada 1 Jun 1954.²⁰⁶ Selain daripada penggunaan akhbar-akhbar untuk

²⁰¹ Wawancara akhbar Utusan Melayu 15 November, 1954 (Mikrofilem 665/1954).

²⁰² Utusan Melayu, 9 April 1953, h.4 (Mikrofilem 665/1953).

²⁰³ Surat tersebut boleh diperoleh dalam Sel. Sec. No. Fail 552/53.

²⁰⁴ Tan Liok Ee, The Politics of Chinese Education In Malaya, Oxford University Press, K.L, 1997, h.34.

²⁰⁵ C.M. Turnbull, A History of Singapore 1819 - 1988, (2 nd Edt.), Oxford University Press, Singapore, 1989, h.241.

²⁰⁶ Penulis telah melihat resit derma yang bernilai seringgit dan lima ringgit, dikeluarkan pada tahun berkenaan yang bernombor siri 2067. Dalam resit tersebut dipaparkan gambar istana Jam'iah, surah Yaasin serta ayat-ayat al-Qur'an surah al-Baqarah ayat 15, al-Maidah:ayat 2, al-Taubah:ayat 122, Surat Yunus :ayat 25. Lukisan resit tersebut amat menarik (Lihat lampiran A2). Resit ini ditulis dan dilukis oleh Abdul

menyampaikan maklumat kepada orang ramai tentang penubuhan serta rayuan derma untuk Kolej Islam Malaya, pihak Jawatankuasa Penaja diberi kebenaran untuk menyiarkan ucapan dan rayuan melalui Radio Malaya. Tan Sri Abdul Jalil Hassan, Pemangku Mufti Kerajaan Johor, merangkap ahli jawatankuasa Penaja telah memberikan ucapan di radio tentang perlunya Kolej Islam Malaya dan beliau merayu agar orang ramai menghulurkan derma kepada jawatankuasa yang telah ditubuhkan di tempat masing-masing.²⁰⁷ Ekoran daripada sebaran maklumat dan penerangan yang jelas tentang kedudukan Kolej Islam Malaya serta keperluan kepada kewangan, maka pada hari Sabtu 31 Mac 1954 Persatuan Islam Se- Malaya (PAS) dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung di Kepala Batas, Pulau Pinang telah mengambil ketetapan mengadakan "Minggu Kolej Islam" untuk memungut derma. Tuan Othman Abdullah, salah seorang daripada ahli jawatankuasa Kerja Agung Persatuan Islam Se-Malaya menegaskan bahawa usaha untuk mewujudkan Kolej Islam adalah amalan mulia dan wajib diberi sokongan. Rentetan daripada itu, sebuah jawatankuasa kecil pungutan derma telah ditubuhkan, dipengerusikan oleh Dr. Haji Abas Alias.²⁰⁸ Pihak Jawatankuasa Kolej Islam Malaya juga telah mengeluarkan resit-resit derma untuk masyarakat Islam pada 1 Jun 1954. Dalam usaha untuk menjamin pendapatan yang tetap kepada Kolej Islam Malaya maka jawatankuasa penaja dan selepasnya, Majlis Kolej Islam Malaya sendiri telah mengambil keputusan untuk mendapatkan 'wang derma pertaruhan' untuk dijadikan sumber penanaman modal. Pada tahun 1955 sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menjelajah ke seluruh pelosok Tanah Melayu untuk berjumpa dengan saudagar-saudagar

Rahman bin Hassan al-Attas. (Resit tersebut diperoleh dari simpanan Encik Samingan Samin, bekas kerani kewangan Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang pada tahun 1995) Lihat Lampiran B(1).

²⁰⁷ Utusan Melayu, 18 Mac 1953, h.3. Utusan Melayu, 8 Jun 1953, h.5 (Mikrofilem 665/1953).

²⁰⁸ Utusan Melayu, 1 April 1954, h.6 (Mikrofilem 665/1954).

serta orang-orang Islam yang kaya, meminta mereka berderma kepada wang pertaruhan ini dengan cara bayaran beransur-ansur dalam beberapa tahun yang ditetapkan. Sumbangan seperti ini dinamakan 'derma yang dijanjikan'.²⁰⁹ Atas kegigihan Dato' Ibrahim Omar Al-Sagoff meyakinkan negara-negara Islam di Asia Barat, beliau berjaya mendapat sumbangan 'derma yang dijanjikan', iaitu kerajaan Arab Saudi berjanji akan menyumbangkan \$40,000, Syeikh Kuwait sebanyak \$42,000, dan Syeikh Bahrain sebanyak \$8,500.²¹⁰ Kongres Islam di Kaherah serta kerajaan Arab Saudi berjanji untuk memberikan sumbangan sebanyak \$15,000 setiap tahun. Pihak jawatankuasa penaja juga berusaha untuk mendapatkan sumbangan tahunan yang tetap daripada majlis-majlis agama Islam serta kerajaan negeri Persekutuan Tanah Melayu.

2.5.6: Usaha Ke arah Penubuhan Kolej Islam Malaya Semakin Rancak

Setelah tapak Kolej Islam telah diperoleh di Kampung Jawa, di Klang Selangor, dan derma-derma yang disumbangkan oleh masyarakat (termasuk yang bukan Islam), langkah-langkah seterusnya telah diambil bagi melicinkan usaha penubuhan ini. Sebuah lagi jawatankuasa telah ditubuhkan bagi tujuan tersebut. Jawatankuasa ini dikenali

²⁰⁹ Kalendar 1965/66, op.cit., h.37.

²¹⁰ Ibid.

sebagai Jawatankuasa Pusat Kolej Islam Malaya.²¹¹ Ahli-ahli dalam jawatankuasa ini terdiri daripada wakil-wakil seluruh negeri Persekutuan Tanah Melayu. Pada 16 April 1954 Jawatankuasa Pusat Kolej Islam Malaya telah mengadakan mesyuarat pertamanya di Asrama Pelajar-Pelajar Lelaki (*Malay Boys Hostel*) di Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur.

Antara ahli-ahli yang hadir ialah;

- | | |
|--|-------------------------|
| 1. Dato' Syed Ibrahim bin Omar Alsagoff | - Pengerusi |
| 2. Tuan Haji Amin bin Imran | - Setiausaha |
| 3. Encik Pateh Akhir bin Mat Sah | - Bendahari Bersekutu |
| 4. YM Tengku Hussein bin Tengku Yahya | - Bendahari Bersekutu |
| 5. Tuan Syed Jaafar bin Hassan Albar | - Pegawai Penerangan |
| 6. Tuan Haji Abd. Ghani bin Haji Yahya | - Wakil Johor |
| 7. Tuan Haji Muhammad Ali bin Arshad | - Wakil Pulau Pinang |
| 8. Tuan Haji Ishak Lotfi bin Omar | - Wakil Kelantan |
| 9. YB. Tuan Syeikh Ahmad bin Mohd Hashim | - Wakil Perlis |
| 10. YB. En. Abbas bin Haji Sulaiman | - Wakil Negeri Sembilan |
| 11. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Daud | - Wakil Pahang |
| 12. Tuan Abang Razali bin Haji Zainuddin | - Wakil Brunei |

Wakil-wakil yang tidak dapat hadir dengan keuzuran;

Wakil-wakil Singapura, Selangor, Perak, Kedah, Melaka dan Terengganu.

Hadir sebagai pemerhati pula terdiri daripada;

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Rauf - Pen. Setiausaha Majlis Raja-Raja Melayu

²¹¹ Kalendar Kolej Islam Malaya, *op.cit.* h.8. Sufyana, *op.cit.*, h. 58-59.

YB. Tuan Hj. Hassan bin Haji Yunus - Pengerusi Jawatankuasa Perguruan dan Penyusun Pelajaran Kolej Islam Malaya

Tuan Hj Mahzub bin Mohd Yunos - Negeri Sembilan

Pihin Khatib Mat Ali bin Hashim - Brunei

Tuan Hj. Othman bin Mohd. Said - Johor.

Antara agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat di atas ialah berkaitan dengan langkah-langkah susulan bagi penubuhan Kolej Islam Malaya setelah adanya tapak dan bangunan wakaf Sultan Selangor dan sumber kewangan.²¹² Begitu juga perkara memilih pelajar-pelajar, tenaga pengajar yang layak, serta subjek-subjek yang wajar diguna pakai dan diajar di Kolej ini kelak.²¹³

Sebelum mesyuarat di atas diadakan, pada 11 Mac 1953, Jawatankuasa Penaja Kolej Islam Malaya telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perguruan dan Penyusun Pelajaran Kolej. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk menentukan syarat-syarat serta kelayakan penerimaan pensyarah serta penuntut, dan menentukan sukatan pelajaran serta kitab-kitab yang akan digunakan.²¹⁴ Jawatankuasa ini terdiri daripada;

1. Tuan Haji Hassan bin Hj. Yunos - Pengerusi

2. Tuan Syed Nasir bin Ismail - Setiausaha

3. Tuan Haji Abd. Jalil bin Hassan - AJK

²¹² Walaupun sumber kewangan yang diperoleh melalui derma orang ramai telah ada, tetapi pihak jawatankuasa harus memikirkan sumber kewangan yang tetap bagi urusan pentadbiran Kolej.

²¹³ Sufyana, op.cit., h.60.

²¹⁴ Kalendar, op.cit., h.7.

4. Tuan Mohd. Fathullah Suhaimi - AJK

5. Tuan Syed Abu Bakar bin Taha Alsagoff - AJK

Setelah selesai mesyuarat Jawatankuasa Pusat KIM pada April 1954, Jawatankuasa Perguruan dan Penyusun Pelajaran telah mengambil langkah susulan dengan mengadakan mesyuarat pada 20 Julai 1954 bagi membincangkan perkara peperiksaan masuk pelajar-pelajar dari seluruh sekolah-sekolah agama dan Arab di Tanah Melayu dan Singapura ke Kolej Islam Malaya yang bakal ditubuhkan. Di samping itu jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk menentukan ilmu-ilmu yang akan dijadikan soalan peperiksaan masuk tersebut.²¹⁵ Selaku pengerusi Jawatankuasa Perguruan dan Pengurusan Peperiksaan, Tuan Haji Hassan bin Haji Yunos telah mencadangkan agar soalan yang akan digubalkan itu mempunyai mutu sesuai dengan institusi pengajian tinggi. Dengan mengawal mutu soalan peperiksaan tersebut sekaligus akan meninggikan lagi darjat dan kedudukan Kolej Islam yang akan ditubuhkan itu. Beliau mencadangkan agar soalan-soalan tersebut hendaklah setaraf dengan soalan-soalan sekolah menengah (*thanawiyyah*). Setelah dibahaskan dengan terperinci, akhirnya jawatankuasa telah mengambil keputusan bersetuju dengan cadangan tersebut.²¹⁶ Seterusnya dalam menentukan kitab-kitab (ilmu-ilmu) yang akan digunakan, mesyuarat bersetuju dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh Tuan Abdul Jalil Hassan. Antara kitab-kitab yang akan digunakan meliputi ilmu nahu, fekah, sorof, balaghah, insyak dan hisab.²¹⁷

²¹⁵ Ibid.

²¹⁶ Op.cit., h.8.

²¹⁷ Ibid., h.8. Kitab-kitab tersebut ialah *Kitab Syarah Ummul Birahaini* oleh Al-Imam Syed Muhammad Assanusi (Tauhid), *Kitabul Iqna fi hal Abi Syuja'* oleh Syeikh Muhammad al-Tharbini al-Khatib (fikah), *Kitab Syarah Ibn Aqil* (Nahu dan Sorof), *Syarah Jauhar al-Maknun* (Ilmu Balaghah), Insyak diambil dari kitab Insyak, dan hisab diambil dari *Kitab al-Hisab Lilmadrasi al-Ibtida'iyyah*.

Sebaik sahaja soalan -soalan sempurna digubal, pada 16 dan 17 Ogos 1954, peperiksaan peringkat pertama bagi kemasukan pelajar-pelajar ke Kolej Islam telah diadakan di seluruh negara.²¹⁸ Keputusan peperiksaan dikeluarkan pada tahun itu juga itu pada 18 Oktober 1954.²¹⁹ Hasil daripada peperiksaan masuk ke KIM ambilan pertama (awal), hanya 48 orang sahaja yang layak.²²⁰ Nama-nama pelajar yang berjaya dalam peperiksaan masuk ke KIM telah disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan seperti Utusan Melayu²²¹ dan Utusan Kanak-Kanak yang dikeluarkan di Singapura.²²² Pelajar-pelajar yang terpilih terdiri daripada pelajar sekolah-sekolah agama dari Kelantan, Perak, Terengganu, Johor, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Singapura, dan Pulau Pinang (Seberang Prai).²²³

Nama-nama pelajar yang berjaya adalah seperti berikut;

Calon-calon dari Kelantan seramai 14 orang, iaitu calon yang paling ramai berbanding dengan negeri-negeri lain;²²⁴

1. Mohamad. Bin Che Wook²²⁵

2. Ishak bin Abas

²¹⁸ Keterangan oleh Ustaz Ishak Abas, kumpulan pertama ke Kolej Islam, wawancara 22 Ogos 1999 Mengikut Ustaz Ishak lagi, soalan-soalan yang disoal semua dalam bahasa Arab dan susah bagi pelajar-pelajar yang tidak menguasai bahasa Arab dengan baik.

Pusat peperiksaan di Kelantan ialah di Jame' Merbau Al-Ismae'ili Kota Bharu, Kelantan Lihat Ishak Abas, op.cit., h.85.

²¹⁹ Keterangan oleh Ustaz Ishak Abas, kumpulan pertama ke Kolej Islam, wawancara pada 22 Ogos 1999 Mengikut Ustaz Ishak lagi, soalan-soalan yang disoal semua dalam bahasa Arab dan susah bagi pelajar-pelajar yang tidak menguasai bahasa Arab dengan baik.

Pusat peperiksaan di Kelantan ialah di Jame' Merbau Al-Ismae'ili Kota Bharu Kelantan Lihat Ishak Abas, op.cit., h.85.

²²⁰ Kalendar, ibid., h.8. Ishak Abas, ibid., h.85.

²²¹ Utusan Melayu, 20 Jan. 1955, h.6 (Mikrofilem No. 484/82, Arkib Negara Malaysia

²²² Utusan Kanak-Kanak, Bil. 43, Tahun3, Isnin, 24 Januari 1955, Dengan tajuk, " 48 Orang Yang Diperiksa Diterima Belajar di Kolej Islam", h.1. Akhbar ini masih disimpan oleh Ustaz Ishak Abas Lihat Ishak Abas, op.cit., h.82.

²²³ Engku Ibrahim, "Kolej Islam Malaya Satu Usaha Menghidup dan Membangunkannya". (Kertas Kerja op.cit., h.7.

²²⁴ Ibid.

3. Hussein bin Abu Bakar
 4. Sidik bin Abdullah²²⁶
- Mohamad Yusoff bin Muda
- Hassan bin Manaf
- Omar bin Daud²²⁷
- Abdul Hamid bin Haji Abdullah
- Daud bin Awang
- Daud bin Ahmad
- Muhammad bin Omar
- Ismail bin Musa
- Muhammad bin Awang
- Mahmud bin Abdul Rahman, dan
- Muhammad bin Isa
- Pelajar dari Perak;
- Ismail bin Hassan
- Ahmad Zaini bin Othman
- Tarmidi bin Khalid
- Muhammad Ghazali bin Mahmud
- Ahmad bin Mahdi
- Tajul Ariffin bin Abdul Hamid
- Ahmad Affandi bin Haji Maasom

²²⁵ Mendaftar lewat 3 bulan kerana masalah perjawatan dengan Majlis Ugama Islam Kelantan. Ishak Abas, *op.cit.*, h.85.

²²⁶ Masalah yang dihadapi adalah sama seperti Sidik, masalah kewangan, *ibid.*

²²⁷ Masalah yang dihadapi adalah sama seperti Sidik, masalah kewangan, *ibid.*

Abdul Hamid bin Haji Omar, dan

Jamaluddin bin Noor.

Pelajar dari Pulau Pinang dan Seberang Prai ialah;

Marzuki bin Haji Shafei

Muhammad Nasir bin Aji

Haji Mahdi bin Taib

Imaduddin bin Abdul Jamil

Muhammad Lazim bin Abu Bakar

Murad bin Haji Abdul Rahman

Muhammad Tarikh bin Yob

Ashaari bin Muhammad Radzi

Pelajar dari Terengganu pula terdiri daripada;

Harun bin Abdul Rahman

Muhammad bin Abdullah

Hussein bin Othman

Abdul Rahman bin Haji Ibrahim

Mahmud bin Embong

Muhammad Hussein bin Haji Ali, dan

Omar bin Yusoff

Dari Johor pula ialah;

Ishak bin Adam

Omar bin Yunus, dan

Ibrahim bin Haji Abdul Hamid

Pelajar dari Pahang;

Muhammad Ali bin haji Muhammad

Daud Abdul Ghani bin Teh, dan

Ramli bin Tahir

Dari Selangor;

Abd. Ghani bin Abdul Latiff

Dari Negeri Sembilan, juga seorang sahaja iaitu;

Muhammad Yunus bin Sentung

Dari Singapura diwakili oleh;

Hussein bin Suradi.

Menurut Ustaz Abas, kebanyakan pelajar dari negeri Kelantan adalah terdiri daripada keluarga yang kurang berada. Beliau sendiri daripada keluarga tani, tetapi ibu bapanya penuh bersemangat untuk melihat anaknya mendapatkan ilmu setinggi yang mungkin. Lantaran itu kedua-duanya sanggup bekerja dengan lebih keras lagi bagi menanggung anaknya yang telah berpeluang masuk ke Kolej Islam itu.²²⁸ Kenyataan beliau dapat dibuktikan dengan lebih nyata apabila akhbar Utusan Melayu, bertarikh 24 Mac 1955 telah menyiarkan masalah ini di bawah tajuk, "Penduduk Kelantan Diminta

²²⁸ Wawancara pada 22.8.99.

Bertindak Membantu Penuntut Yang Kekurangan Wang di Kolej Islam Malaya".²²⁹ Pelbagai cadangan telah diberikan bagi mengatasi masalah ini, antaranya cadangan yang dibuat oleh Ustaz Adam Kamal, setiausaha Jawatankuasa Pemungut Derma Agama dan Kolej Islam Malaya, bahagian Pasir Putih Kelantan. Beliau mencadangkan agar satu rapat umum raksasa perlu diadakan untuk mengutip derma. Seterusnya, cadangan oleh Ustaz Mohd. Rafiq Pegawai Penerangan UMNO, Pasir Putih, meminta pihak-pihak yang berkenaan menghubungi pelajar yang bermasalah untuk mengetahui kedudukan yang sebenarnya, dan setelah dipastikan 'duduk bangunnya' masalah tersbut, baharulah membuat tindakan susulan dengan mendesak Jawatankuasa Derma Pelajaran Kebangsaan Melayu Kelantan yang telah lama wujud untuk mengeluarkan dana membantu pelajar yang bermasalah itu.

Memandangkan bilangan pelajar yang dikehendaki masih di bawah keperluan, maka pada 16 dan 17 Mac 1955 telah diadakan peperiksaan kali kedua. Hasil daripada peperiksaan ini hanya 10 orang sahaja daripada 42 orang yang diperiksa, yang layak masuk ke KIM.²³⁰

Senarai nama yang berjaya ialah;

Abd. Hamid bin Haji Salleh	- Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar
Abu Bakar bin Haji Kassim	, - Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar
Zakaria bin Ahmad.	- Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar
Ahmad Ghazali bin Montak	- Madrasah Al-Irsyad Bagan Datok, Perak;
Mohd Ghazali bin Abd. Hamid	- Madrasah Al-Ulum, Bagan Datok, Perak

²²⁹ Utusan Melayu, 24 Mac 1955, h.5 (Mikrofilem , Utusan Melayu/Utusan Zaman 1954-1955, No. M171/83, Box No. 3495, Arkib Negara Malaysia).

²³⁰ Utusan Melayu, 2 April 1955, ibid., h.8.

Hj Badri bin Hj Zakaria	- Sekolah Arab Kluang, Johor,
Othman bin Abdul Rahman	- Muar Johor,
Azhari bin Yusoff	- Bukit Rambai, Melaka,
Abdul Muttalib bin Mohd Ali Fikri	- Lubuk Paku Maran, Pahang.

Pelajar-pelajar yang terpilih terdiri daripada pelajar sekolah-sekolah agama dari Kelantan, Perak, Terengganu, Johor, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Singapura, dan Pulau Pinang (Seberang Prai)²³¹ adalah pelajar perintis untuk belajar di bawah bumbung Kolej Islam Malaya yang telah diwara-warakan ke seluruh pelosok Tanah Melayu.

2.5.7: Pengetua dan Pensyarah

Masalah pengambilan pelajar sudah disempurnakan oleh Jawatankuasa Perguruan dan Penyusunan Pelajaran. Masalah pengetua dan pensyarah juga menjadi tanggungjawab jawatankuasa ini. Atas kehendak pelopor awal KIM, jawatan mudir hendaklah diberikan kepada anak bumiputera Tanah Melayu, kerajaan Johor telah bermurah hati meminjamkan Sahib al- Fadhilah Tuan Haji Ismail bin Umar Abd. Aziz,²³² kadi Johor pada masa itu, sebagai mudir pertama KIM.²³³ Manakala untuk mendapatkan pensyarah yang berwibawa pula, Dato' Syed Ibrahim Omar Alsagoff telah menghubungi menteri Republik Arab Bersatu Anwar Saddat dan pihak Universiti al-Azhar untuk

²³¹ Ibid.

²³² Sahib al-Fadhilah Tuan Haji Ismail berkelulusan Usuluddin, Universiti al-Azhar, Mesir, dlm. Engku Ibrahim, op.cit, h.8. Ustaz Haji Ismail telah bertolak ke Klang pada 16 Februari 1955 untuk menjawat jawatan Mudir Sementara KIM. Pada masa itu, beliau menjawat jawatan sebagai kadi di Segamat, Johor. Beliau baharu sahaja menghabiskan cuti sempena perkahwinannya dengan Ustazah Kamaliah binti

membingungkan perkara tersebut. Pada mulanya pihak Universiti al-Azhar berkeberatan untuk menunaikan permohonan tersebut, tetapi atas desakan dan kesungguhan pihak Setiausaha Agung '*International Islamic Congress*' ketika itu, Muhammad Anwar El-Sadat, tindakan yang serius telah diambil.²³⁴ Natijah daripada perundingan itu, akhirnya Universiti al-Azhar telah bersetuju meminjamkan dua orang profesornya²³⁵ iaitu, Profesor Dr. Muhammad Abd. Rauf dan Profesor Dr. Zaki Abu Khair Badawi²³⁶ untuk berkhidmat sebagai pensyarah di Kolej Islam Malaya.²³⁷ Kerajaan Mesir telah menghubungi Jawatakuasa Penaja Kolej Islam bahawa kedua-dua profesor tersebut akan tiba di Singapura pada 19 Februari 1955, pada jam 12.15 tengah hari.²³⁸ Pertolongan daripada kerajaan Mesir yang tidak ternilai itu telah mendapat perhatian pengarang Utusan Melayu²³⁹ ketika itu. Pengarang Utusan Melayu mengulas, "Bantuan dan pertolongan negara-negara Islam terhadap Kolej Islam kita itu sesungguhnya merupakan juga satu pernyataan persaudaraan yang tahun demi tahun akan merupakan satu perhubungan persaudaraan yang semakin erat dan inilah yang masih kekurangan di masa

Fadhullah Suhaimi di Singapura.(Fadhullah Suhaimi adalah salah seorang tokoh penting JK Penaja Kolej Islam Malaya.Lihat Utusan Melayu, 18 Februari 1955, op.cit., h.5. Lihat Lampiran A(i).

²³³ Kalendar, ibid., h.9.

²³⁴ Engku Ibrahim, op.cit., h.7.

²³⁵ Kerajaan Mesir telah menetapkan gaji kepada kedua-dua pensyarah tersebut sebagai tambahan kepada gaji yang akan diberikan oleh KIM. Perkara ini telah disuarakan oleh Menteri Republik Mesir Kolonel Anwar Sadat merangkap Setiausaha Agung Kongres Islam Sedunia, semasa lawatannya ke Kuala Lumpur pada 8 April 1955. Beliau juga menegaskan bahawa "...apa yang diperlukan oleh kaum Islam di sini ialah pelajaran". Beliau juga mengumumkan Presiden Kolonel Gamal Abdul Nasir bersetuju memberikan sumbangan tahunan kepada Kolej Islam Malaya sebanyak \$15,000.00 setahun. Lihat Utusan Melayu, 10 Mac, 1955, op.cit., h.5.

²³⁶ Kedua-duanya berkelulusan doktor falsafah dari Universiti Cambridge, lihat, Abd Manaf bin Haji Ahmad, "Muslim College Malaya 1955-1970 (Kolej Islam Malaya) Sejarah dan Masa Depannya", h.3, kertas kerja yang dibentangkan dalam mesyuarat Agung PBSKIM, Kota Bharu 1999.

²³⁷ Kedua-duanya tiba di Tanah Melayu pada 20 Februari 1955, dan mula berkhidmat sebagai pensyarah pada 24 Februari 1955. Lihat Muslim College Malaya, op.cit., h.3.

²³⁸ Utusan Melayu, 18 Februari 1955, ibid., h.5. Mengikut Pengurus JK Penaja KIM, kedua-duanya akan berada di Singapura selama dua malam sahaja. Umat Islam di Singapura diseru datang beramai-ramai untuk menyambut kedua-dua profesor tersebut di lapangan terbang Kallang, Singapura. Padahari Ahad jam 4.30 petang mereka berdua akan diraikan di rumah Pengurus JK Penaja KIM.

sekarang. Pertukaran utusan-utusan kebudayaan, kesenian dan utusan-utusan dalam lapangan lain antara kita dengan negara-negara Islam di Timur Tengah bolch diatur dan diusahakan bila saja telah ada asas perhubungan yang dapat didirikan dari hubungan Kolej Islam kita itu sebagai satu pusat pengetahuan Islam yang ulung di negeri ini dengan pusat-pusat pengetahuan Islam di negeri-negeri Islam yang lain".

Manakala Encik Zulkifli Muhammad telah dilantik sebagai Setiausaha KIM,²⁴⁰ dan beberapa orang lagi pensyarah dalam bahagian Bahasa Kebangsaan dan Inggeris. Staf sokongan seperti pemandu, tukang masak, tukang sapu, pegawai perpustakaan dan lain-lain turut diambil oleh pihak Jawatankuasa Kolej.²⁴¹

2.5.8: Hasil Sebuah Perjuangan : Perasmian Kolej Islam Malaya

Pada 24 September 1954, Jawatankuasa Penaja KIM telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan istiadat perasmian KIM. Mesyuarat telah bersetuju membentuk secara *ad hoc* bagi membuat persediaan serta urusan yang berkaitan dengan majlis tersebut. Ahli jawatankuasa Kesiapan Upacara Istiadat Hari Pembukaan Kolej Islam Malaya adalah terdiri daripada;²⁴²

1. Encik Pateh Akhir bin Mat Sah²⁴³ - Pengurus (Selangor)
2. YM. Tengku Hussein bin Tengku Yahya - Ahli Jawatankuasa (Perak)

²³⁹ Utusan Melayu, 11 Mac 1955, op.cit, h.5.

²⁴⁰ Kalendar, *ibid*, h.10. Wawancara dengan Ustaz Hassan Haji Salleh, Ustaz Ibrahim Yassin, dan Ustaz Hussein Unang.

²⁴¹ *Ibid*.

²⁴² Kalendar, op.cit., h.9.

²⁴³ Pada masa itu beliau menjawat jawatan sebagai Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Selangor

3. Tuan Syeikh Ahmad bin Mohd. Hashim - Ahli Jawatankuasa (Perlis).

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk membentuk jawatankuasa kecil bagi melicinkan lagi majlis yang bersejarah itu.

Kolej Islam Malaya telah memulakan sesi pengajian pada 24 Februari, 1955, di bangunan istana Jam'ieyah Kampung Jawa Klang. Seramai 43²⁴⁴ orang pelajar yang telah mendaftar diri pada tarikh tersebut²⁴⁵ dari seluruh pelosok Persekutuan Tanah Melayu termasuk Singapura.²⁴⁶ Semasa majlis menerima pelajar-pelajar berkenaan, Dr. Mohd Abdul Khair Mahmud menjelaskan bahawa kedatangan mereka ke Tanah Melayu adalah untuk mendirikan "Universiti Azhar" di negeri ini untuk penduduk Tenggara Asia.²⁴⁷ Manakala Prof. Zulkifli Muhammad pula menyatakan:

Kolej ini akan menjadi sebagai satu benih yang akan menghasilkan buah di masa hadapan untuk bangsa Islam negeri ini, dan seterusnya untuk keamanan dunia seluruhnya. Di Kolej inilah terletak tinggi rendahnya, baik buruknya dan mundur majunya agama Islam kita yang maha suci ini.²⁴⁸

Prof. Zulkifli juga memaklumkan kepada masyarakat melalui akhbar Utusan Melayu²⁴⁹ tentang derma yang diperoleh setakat tarikh tersebut serta rayuannya kepada masyarakat Islam negara ini. Menurut beliau wang derma yang telah dikutip ialah \$220,000.00 sahaja sedangkan wang yang diperlukan oleh Kolej Islam sebanyak lima juta ringgit. Kebanyakan daripada penderma ialah dari kalangan orang-orang yang sangat

²⁴⁴ Bilangan ini akhirnya menjangkau 55 orang.

²⁴⁵ Utusan Melayu, 24 Feb. 1955, h.6.

²⁴⁶ Ibid.

²⁴⁷ Utusan Melayu, 25 Feb. 1955, h.5.

²⁴⁸ Ibid.

²⁴⁹ Utusan Melayu, 24 Feb. 1955, op.cit. h.6.

sederhana hidupnya. Nampaknya orang kaya dan berkedudukan kurang berminat dalam hal pembinaan ilmu agama. Beliau telah membaharu rayuan kepada orang-orang Melayu khasnya dan Islam amnya serta kerajaan-kerajaan negeri Melayu, agar menghulurkan dermanya kepada Kolej Islam dengan kadar yang segera. Hanya 7 buah negeri Melayu sahaja yang berjanji akan memberikan derma kepada Kolej Islam. Prof. Zulkifli menekankan:

Orang-orang Melayu dan Islam... harus sedar tanggungjawab mereka sendiri kepada Kolej Islam yang akan menentukan kedudukan pelajaran agama di negeri ini.²⁵⁰

Perjuangan untuk melihat wujudnya sebuah institusi pendidikan tinggi Islam (IPTI) di Tanah Melayu akhirnya menjadi realiti. Peristiwa yang paling bersejarah yang ditunggu-tunggu oleh umat Islam di negara ini ialah pembukaan rasmi KIM. Pada Jumaat, 8 April 1955, adalah tanggal keramat kepada warga Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura.²⁵¹ Istiadat perasmian KIM dimulakan selepas solat Jumaat, jam 3.30 petang di tapak istana Jam'ieyah, Klang. Dalam titah ucapannya, Baginda Sultan Selangor telah menyeru umat Islam seluruhnya agar memberi bantuan kepada Kolej ini bagi meninggikan lagi mutu pelajaran serta kemajuannya sebagai pusat perkembangan syiar Islamiah.²⁵² Pengarang Utusan Melayu, 14 April 1955,²⁵³ telah membuat ulasan tentang istiadat perasmian pembukaan Kolej Islam Malaya tersebut:

²⁵⁰ Ibid.

²⁵¹ Wawancara dengan Ustaz Hassan Salleh.

²⁵² Sufyana, op.cit., h.66.

²⁵³ Utusan Melayu, 14 April 1955, (Mikrofilem Utusan Melayu/Utusan Zaman, M171/83, Box No. 3495, Arkib Negara Malaysia) h.4 . (Tajuk rencana pengarang ialah, "Selamat Kolej Islam")..

Kepada umat Melayu khasnya dan umat Islam di negeri ini amnya, peristiwa ini merupakan kesempurnaan cita-cita mereka semuanya hendak mempunyai satu pusat pelajaran agama tertinggi untuk perkembangan agama Islam di negeri ini dan sudah pada tempatnya maka kita yang ada ini ikut memperjuangkan pembinaan Kolej, mengucapkan syabas dan tahniah kepada pimpinan yang telah bertanggungjawab menyelenggarakan tugas yang bersangkutan dengan itu.

Istiadat pembukaan rasmi Kolej Islam Malaya telah diadakan secara besar-besaran bagi menandakan kesyukuran terhadap kejayaan merealisasikan sebuah cita-cita murni. Majlis ini dihadiri lebih kurang 2000 orang tetamu dari seluruh tanah air.²⁵⁴ Para tetamu terdiri daripada Raja-raja Melayu, wakil-wakil raja, pembesar-pembesar negeri, ketua-ketua agama dan wakil rakyat serta rakyat biasa. Antara tetamu kehormat dalam istiadat bersejarah ini ialah:

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad,
Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Al-Marhum Sultan Sulaiman Shah²⁵⁵

Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar ibni Al-Marhum Sultan Abdullah

Duli Yang Maha Mulia Raja Muda Perak

Dulia Yang Maha Mulia Raja Muda Selangor

Pesuruhjaya Tinggi Malaya, Sir Donald MacGillivray dan isteri.

²⁵⁴ Hari ini Dalam Sejarah, Jilid II, 1981, (Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia, 1981), h.27-28. Lihat juga Utusan Melayu, 8 April 1955, h.27-28.

²⁵⁵ DYMM Sultan Selangor selaku tuan rumah pada majlis tersebut, memakai jubah putih. Lihat gambar-gambar majlis perasmian dalam Muslim College Malaya op.cit. bahagian lampiran. (tiada nombor halaman). Perhatikan juga gambar yang dilampirkan.

Pengerusi Jawatankuasa Penaja KIM, Dato' Syed Ibrahim bin Omar al-Sagoff dalam ucapan sempena majlis bersejarah itu antara lainnya menjelaskan:²⁵⁶

Kolej ini ... tempat belajar agama Islam yang sehabis tinggi yang belum pernah didirikan di Malaya ini. Kita orang-orang Islam di Malaya ini amatlah merasa suka pada hari hari ini kerana melihat setengah daripada harapan²⁵⁷ dan idaman kami telah tumbuh keluar ke alam wujud dengan terdirinya Kolej Islam atas darjah yang menyaingi darjat universiti.

Selain daripada itu, Dato' Syed Ibrahim Omar Al-Sagoff juga menjelaskan kewajipan umat Islam di Tanah Melayu mendirikan Kolej Islam ini adalah tanggungjawab setiap orang Islam.²⁵⁸ Terdirinya Kolej Islam Malaya, akan menyelamatkan wang negara ini daripada keluar ke negara asing. Beliau juga berharap agar derma yang dijanjikan akan ditunaikan oleh pihak-pihak yang berkenaan, dan Kolej masih mengharapkan sumbangan derma daripada orang ramai bagi tujuan menyempurnakan kelengkapan Kolej. Seterusnya selaku pengetua KIM yang pertama, dalam ucapan di majlis perasmian Kolej itu, Sahib al- Fadhilah Tuan Haji Ismail Omar bin Abdul Aziz telah menjelaskan bahawa Kolej akan memberi tumpuan yang khusus terhadap bahasa Arab dengan tidak meninggalkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Para pelajar juga akan dididik dengan ilmu-ilmu kemasyarakatan yang akan menjadikan pelajar mampu bergaul dengan masyarakat di mana-mana jua. Jelas beliau,

Pelajaran agama dan persuratan Arab suatu perkara yang diutamakan dalam Kolej ini dengan tidak pula melupakan persuratan Melayu dan Inggeris. Pelajaran yang berhubung dengan masyarakat dan pergaulan diajarkan dengan kadar yang berpatutan supaya penuntut dapat hidup bersayang-

¹⁸⁴ *Akhbar Majlis*, 9 April 1955, h.4.

²⁵⁶ *Ibid.* Tekst ucapan ini juga terdapat di Kolej Islam Sultan Alam Shah Klang. Tekst ucapan ini ditulis di atas kain baldu kuning.

²⁵⁷ Antara harapan lain ialah, Kolej Islam Malaya kelak akan menjadi Universiti Islam di negara ini.

²⁵⁸ Beliau telah memetik Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Universiti al-Azhar.

sayang dengan lain-lain penuntut dalam lain-lain sekolah dan dapat mereka mensesuaikan diri-diri mereka dengan orang ramai sama ada di kampung atau di bandar.²⁵⁹

Sempena majlis pembukaan rasmi KIM ini, Sultan Selangor telah menyampaikan pingat²⁶⁰ jasa menderma kepada para penderma. Antara penerima pingat tersebut ialah Tuan Lee Kun Chan, penderma bukan Muslim. Utusan Melayu yang mempunyai peranan besar dalam usaha menagih simpati daripada para penduduk Tanah Melayu pada ketika itu telah menerima pingat emas. Wakil Utusan Melayu, Encik Samani bin Muhammad telah menerima anugerah tersebut.²⁶¹ Ada juga para penderma yang mengambil kesempatan untuk menghulurkan derma pada hari perasmian tersebut. Antaranya ialah, Tuan Lee Kung Chung - \$20,000.00, Jawatankuasa Derma KIM Singapura - \$50,000.00. Kerajaan Singapura - \$10,000.00, Kerajaan Brunei - \$30,000.00, Tuan H.M Shah - \$1.878.49 (Hasil tayangan filem "Kasih Menumpang")²⁶² Jumlah pungutan derma pada perasmian ialah sebanyak \$125,000.00.²⁶³

Episod perjuangan untuk membina sebuah Kolej Islam di Malaya telah berhasil. Usaha dan permuafakatan yang erat semua lapisan masyarakat, daripada golongan marhaen para petani, nelayan dan buruh sehingga golongan aristokrat, Raja-raja Melayu, golongan hartawan, malah individu bukan Muslim juga turut serta dalam rangka

²⁵⁹ Utusan Melayu, 8 April 1955, op.cit., h.27-28.

²⁶⁰ Penderma yang menyumbang lebih daripada \$3000 akan diberikan pingat emas dan perak. Pada pingat tersebut tertera perkataan, "Kolej Islam Malaya 1374(1955), pada muka pertama, dan "Pengetahuan Itu Betul", pada muka kedua. Pingat tersebut. Pingat emas akan dianugerahkan kepada para penderma yang berjaya menyumbangkan \$5000.00 ke atas, manakala pingat perak pula bagi sumbangan \$3000.00 ke atas. Lihat, Utusan Melayu, 30 Mac 1955, op.cit., h.5.

²⁶¹ Utusan Zaman, 10 April 1955, h.1.

²⁶² Tuan A.M Shah ialah seorang pengeluar filem Melayu telah menetapkan bahawa pendapatan hasil daripada tayangan malam pertama di Kuala Lumpur akan diperuntukkan kepada KIM. Lihat, Utusan Melayu, 4 Januari 1955, h.5.

membina Kolej Islam Malaya. Perjuangan²⁶⁴ yang selanjutnya memerlukan semangat juang yang lebih kental dan utuh, khususnya bagi mengisi dan 'memberi nafas' kepada Kolej

Islam Malaya yang bersejarah ini. Kejayaan ini sesungguhnya akan dapat menjawab persoalan yang diajukan oleh golongan yang tidak menyakini akan peningkatan pendidikan Islam peringkat tinggi di negara ini. Golongan yang tidak yakin terhadap pendidikan Islam menganggap, "... pengetahuan Islam di negeri ini tidak akan dapat meningkat maju ataupun sukar meningkat maju daripada taraf sekolah pondok sahaja..."²⁶⁵

Walaupun usaha untuk mendirikan sebuah IPTI melalui tahap-tahap yang penuh dengan cabaran, lantaran pelbagai halangan dalaman dan luaran,²⁶⁶ tetapi tuntutan dalam bidang ini akan terus subur selari dengan perkembangan masa dan masyarakat.

Perkembangan yang positif ini akan menghasilkan natijah yang bersaedah demi kelangsungan umat dan pembinaan generasi muda Islam yang kuat bermotivasi, dedikasi, matang dan mempunyai daya juang yang kukuh demi menempuh tahun-tahun yang lebih mencabar pada alaf akan datang.

²⁶⁴ Dalam bahasa Arab "Berjihad". Jihad adalah perlu bagi melangsung ajaran Islam itu sendiri. Dalam konteks ini jihad yang dimaksudkan ialah "jihad Ilmu". Banyak ayat al-Qur'an mendorong umat Islam supaya berjihad. Pengertian "Jihad" mengikut Maulana Abu al-Kalam Azad ialah, "Dalam istilah Qur'an dan sunnah 'jihad' ertiinya usaha keras untuk mengatasi kepentingan peribadi guna kepentingan kebenaran. Usaha ini dilakukan dengan lisan, dengan harta, dengan membelanjakan waktu, umur dan sebagainya dengan memikul bermacam-macam kesukaran dan juga menghadapi pasukan menumpahkan darah". Lihat, M. Dawam Rahardjo,(Prof.), Ensiklopedi Al-Qur'an, Tafsir Sosial Berdasarkan Konsep-Konsep Kunci, Jakarta: Penerbit Paramadina, 1996, h.515.

Antara ayat-ayat yang berkaitan dengan "Jihad" ialah, Al-Furqan:Ayat 51-52, Al-Ankabut:Ayat 6-7, Al-Haj:Ayat 22.

²⁶⁵ Utusan Melayu, 11 Mac 1955, op.cit., h.5.

²⁶⁶ Ismail Ab. Rahman, (Penyt.), Pendidikan Islam di Malaysia, Selangor: Penerbit UKM Bangi, 1988, h.17-18.